


Jilid IV  
Bil. 10



MALAYSIA

Hari Isnin  
29hb Julai, 1974

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 805]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 805]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 806]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Racur Makhlok Perosak [Ruangan 818]

Rang Undang-undang Doktor Veterinar [Ruangan 828]

Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara [Ruangan 832]

Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) [Ruangan 847]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan) [Ruangan 850]

Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 854]

Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional [Ruangan 867]

MALAYSIA  
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KEEMPAT

---

Hari Isnin, 29hb Julai, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- .. Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- .. Menteri Kebajikan Am. PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAU HIENG DING (Dilantik).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- .. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- .. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- .. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- .. DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- .. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

.. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

.. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

.. Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUAPERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Pembasmi Malaria (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan).

*Tandatangan:*

Yang di-Pertua  
Dewan Rakyat”.

## URUSAN MESYUARAT

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang disebutkan di bawah ini dibacakan kali yang kedua dan yang ketiganya di Mesyuarat ini:

- (1) Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Pembasmi Malaria (Pindaan);

(3) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);

(4) Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANANGKATAN TENTERA—  
UMUR BERSARA

**1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada anggota-anggota Pasukan Bersenjata boleh dibenarkan berkhidmat sehingga meningkat umur 55 tahun seperti lain-lain kakitangan awam.

**Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang umur persaraan dalam Angkatan Tentera adalah seperti berikut:

- |                            |          |
|----------------------------|----------|
| (a) Kolonel ke atas ... .. | 55 tahun |
| (b) Lt. Kolonel ... ..     | 52 tahun |
| (c) Mejar ... ..           | 50 tahun |
| (d) Kapten ke bawah ... .. | 45 tahun |

Anggota Lain-lain Pangkat pula adalah dikehendaki bersara apabila tamat tempoh 21 tahun berkhidmat dalam Angkatan Tentera.

Had umur yang lebih rendah bagi anggota lain-lain pangkat dan pegawai-pegawai rendah telahpun ditetapkan oleh kerana tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka, seperti tugas-tugas operasi dalam hutan dan sebagainya memerlukan tenaga jasmani dan kekuatan mereka yang usia masih muda lagi. Jenis tugas yang dijalankan oleh mereka itu adalah berbeza daripada jenis-jenis tugas yang dijalankan oleh pekerja-pekerja awam.

Kementerian Pertahanan sedar akan masaalah-masaalah yang mungkin dihadapi oleh anggota-anggota tentera yang diperlukan bersara apabila masih muda itu. Walau bagaimanapun, beberapa rancangan-rancangan peralihan dan penempatan semula sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pertahanan untuk menyediakan mereka itu menghadapi masa depan mereka selepas bersara.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Soalan tambahan. Tidakkah elok sekiranya Kerajaan boleh melanjutkan umur saraan daripada 55 tahun kepada 60 atau 65 tahun, sebagaimana yang telah dibuat di lain-lain negeri yang besar seperti di England dan lain-lain? Kita sedia maklum untuk melatih tentera-tentera, Kerajaan membelanjakan beribu-ribu ringgit.

Yang kedua, oleh sebab pasukan bersenjata kita di Malaysia ini sangat muda patutlah ditambahkan umur persaraannya dan jangan kita terburu-buru mengambil orang baharu.

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya maklumkan tadi, umur persaraan itu tidak boleh dinaikkan lebih daripada yang telah ditetapkan. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, keadaan pekerjaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai di dalam tentera itu adalah berlainan dengan pekerjaan-pekerjaan, tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas yang dijalankan oleh pekerja-pekerja di pejabat awam. Kalau sekiranya seseorang itu sudah meningkat umur dalam mana dijangkakan mereka itu tidak dapat lagi menjalankan tugas-tugas yang biasa boleh dijalankan oleh seorang anggota tentera, terutamanya tugas-tugas operasi dan sebagainya, maka tidaklah saya rasa boleh kita teruskan umurnya. Kalau kita teruskan juga tentulah berkesudahan kita mempunyai bilangan orang-orang yang tidak boleh kita gunakan dalam tentera. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa ada kalanya kalau kita menganggap perlu seorang pegawai itu diteruskan perkhidmatannya selepas meningkat umur 55 tahun, kita sambungkan lagi perkhidmatannya dari sebulan ke sebulan. Ini telah kita lakukan.

#### **SURAT-SURAT ORANG RAMAI— PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**

**2. Dr Lim Ah Sitt** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa perasaan tidak puashati dan hampa yang dialami orang ramai tentang sikap lalai dan congkak pegawai-pegawai Kerajaan di beberapa jabatan sedang berlaku apabila melayan surat-surat mereka. Pada beberapa ketika surat-surat itu tidak diakui penerimaannya atau tidak dijawab atau jawapan dilengah-lengahkan walaupun setelah dihantar beberapa surat peringatan. Jika demikian, apakah langkah positif beliau akan ambil untuk menjamin bahawa setiap surat

daripada orang ramai ke beberapa jabatan-jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia baik pada peringkat Persekutuan atau Negeri hendaklah diakui penerimaannya dan dijawab dalam masa yang munasabah.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar adanya sedikit-sebanyak perasaan tidak puas hati dan kadang-kadang hampa di kalangan orang ramai kerana lambat mendapat jawapan kepada surat-surat mereka daripada setengah-setengah Jabatan Kerajaan. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa surat-surat tersebut dilayan dengan sikap lalai dan congkak. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan-jabatan Kerajaan, di samping mempunyai tanggungjawab dan bebanan kerja yang berat bagi mempercepatkan pembangunan negara, menerima beratus-ratus surat daripada orang ramai pada tiap-tiap hari mengenai berbagai-bagai perkara. Masa yang diambil untuk menjawab surat-surat itu bergantung kepada perkara yang ditimbulkan dan sejauh mana penyiasatan yang dikehendaki. Jika perkara yang ditimbulkan itu berkehendakkan penyiasatan yang mendalam atau berkehendakkan rujukan kepada Jabatan-jabatan lain untuk disiasat dan diberi ulasan, maka jawapan kepada surat itu memerlukan masa. Keadaan yang beginilah yang selalunya menimbul salahfaham daripada orang ramai dan rakyat.

Dalam hal melayani surat-surat yang diterima daripada orang ramai, Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan atau Negeri adalah bertanggungjawab memastikan supaya semua surat-surat daripada orang-ramai dijawab dengan secepat mungkin. Sekiranya sepucuk surat itu tidak dapat diberi jawapan yang tegas dengan segera, jawapan sementara akan diberikan kepada penulis tersebut. Arahan-arahan telahpun diberi kepada semua Ketua-ketua Jabatan untuk memastikan supaya peraturan ini dipatuhi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun menubuhkan Biro Pengaduan Awam khusus untuk menerima dan menyelesaikan aduan-aduan daripada orang ramai mengenai perbuatan lalai dan congkak oleh pegawai-pegawai Kerajaan atau melengah-lengahkan jawapan terhadap surat-surat daripada orang ramai. Sekiranya aduan-aduan itu didapati benar tindakan

yang sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang berkenaan itu. Inilah salah satu langkah positif Kerajaan di samping mengadakan kursus dan ceramah bagi pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat untuk memperingatkan mereka akan peraturan-peraturan yang telah disediakan oleh Kerajaan dan menanam semangat sedia berkhidmat kepada rakyat.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbul daripada kelambatan ini suka saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian yang berkenaan, sejauh manakah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan red-tape dalam Jabatan-jabatan Kerajaan itu telah dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan itu?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi perkara red-tape ini telah berkurangan, kerana dengan adanya mesyuarat antara Ketua-ketua Jabatan dapat kita mencari jalan-jalan bagaimana hendak mengurangkan kelambatan surat-surat itu, kerana selalunya kelambatan itu adalah suatu kesusahan yang dihadapi oleh rakyat. Masaalah itu ada berkaitan dengan 3-4 jabatan misalnya, tetapi kalau kita jalankan minit fail itu daripada satu jabatan ke satu jabatan, kadang-kadang dalam satu jabatan itu boleh jadi dia tidur 3 minggu. Antara hendak tiba jabatan yang keempat atau Kementeriannya sudah memakan masa berbulan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cara, misalnya, dihantarkan terus kepada keempat-empat jabatan itu supaya pantas datang balik. Satu daripada cara yang pantas sekali yang saya jalankan dalam Kementerian saya ialah surat itu saya boleh jawabkan kalau ada pertanyaan atas surat itu sendiri di tepi margin surat itu diphotostate dan dipulangkan dengan serta-merta dalam tempoh 10 minit sahaja. Itu adalah daripada cara yang sehabis pantas kalau hendak dibuat antara satu jabatan dengan satu jabatan yang lain. Banyak lagi cara-cara lain yang kita dapat jalankan supaya mengurangkan red-tape yang selalu berlaku di negara kita ini, maktumlah mengikut cara-cara British dahulu semuanya hendak dengan surat, perkara yang kecil pun hendak dimulakan. Adalah dimaklumkan, Yang Berhormat, Yang Menurut Perintah—macam-macam, itu yang melambatkan masa.

Perkara itu semuanya dibuangkan dan berkehendakkan pati-pati sahaja dijalankan dengan seberapa pantas.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah satu peraturan yang ditetapkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan itu sekian harinya mesti menjawab surat-surat yang datang daripada rakyat?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya misalkan di Kementerian saya, saya fikir sama dengan yang lain. Kalau datang satu surat itu kita capkan masa dan tarikhnya, dan selepas itu yang pertama dijawab menerima surat itu menyatakan: Surat tuan/puan telah diterima dan dalam pandangan, ada tarikhnya sekali. Kemudahan kalaulah lambat, misalnya, 5 minggu atau 2 bulan tak berjawab atau baru dijawabkan, bila tiba kepada Ketua Jabatan akan dapat tahu, mengapa begitu lama dijawab dan selalunya Ketua Jabatan lepas menjawab surat itu bertanya balik kepada pihak yang berkenaan atau pegawai yang berkenaan menyatakan mengapa awak mengambil masa 3 minggu menjawab surat itu. Terangkan satu sebab-sebabnya, kalau tidak, tindakan akan diambil untuk diberitahu kepada Ketua Kementerian yang berkenaan supaya disiplin akan diambil kepadanya. Itulah satu daripada caranya.

## GAS—KENAIKAN HARGA

**3. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar harga gas untuk masak telah dinaikkan baru-baru ini, dan jika ya, adakah kenaikan harga ini telah mendapat persetujuan dari Kementerian beliau; dan samada Kerajaan bercadang memberi subsidi untuk gas ini supaya harganya dapat diturunkan untuk kepentingan rakyat.

*(Yang Berhormat Menteri tidak hadir)*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian dalam perkara ini dan akan dijawab pada hari esok atau diberikan jawapan dengan cara pekeliling, dan saya akan mengambil siasatan dalam perkara ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi satu pandangan iaitu Dewan

ini patut bersama-sama meminta maaf kepada Ahli yang bertanya itu kerana ini mencerminkan, bukan red-tape sahaja, tetapi ini kurang civilised di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Peguam Negara tadi telah berjanji bahawa jawapannya akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat itu pada hari esok.

#### **GURU BESAR—ELAUN PEMANGKU/ TANGGUNGAN KERJA**

**4. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Guru-guru Besar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang ditempatkan di bawah kategori B1 dalam Sekim pelajaran Baru akan diletakkan di bawah Sekim Elaun Pemangku/Elaun Tanggungan Kerja bagi Guru-guru Besar dan Pembantu-pembantu Kanan, dan jika tidak, apakah kedudukan mereka pada masa hadapan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya. Ya. Tetapi Guru-guru Besar ini tidak akan menerima Elaun Pemangku/Elaun Tanggungan Kerja, kerana exercise untuk mengesahkan perlantikan mereka sebagai Guru Besar itu sedang dijalankan dan akan selesai tidak berapa lama lagi oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

#### **KOMINIS—PENGAMPUNAN PENGGANAS—PENGGANAS**

**5. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang tertubuhnya hubungan diplomatik dengan Negeri China samada Kerajaan akan memberi pengampunan kepada pengganas-pengganas kominis di hutan-hutan Malaysia supaya mereka menyerah diri.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, perkara pengampunan pengganas-pengganas kominis tidak ada kaitan langsung dengan perhubungan diplomatik yang telah terjalin di antara Republik Rakyat China dengan Malaysia, malahan pihak Republik Rakyat China sendiri menegaskan bahawa masalah pengganas kominis di Malaysia adalah hal dalam negeri Malaysia sendiri. Walau bagaimanapun,

peluang sentiasa dibuka kepada pengganas-pengganas kominis untuk menyerah diri dan memulakan hidup baru. Perkara ini telahpun beberapa kali ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri yang lain.

#### **UNDANG-UNDANG IMIGERESEN SABAH/SARAWAK—KAWALAN**

**6. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang meminda Akta Imigeresen untuk membolehkan orang-orang Malaysia dari Sabah dan Sarawak melawat Semenanjung Malaysia dan sebaliknya tanpa paspot.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Negeri-negeri Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, untuk kepentingan negeri-negeri itu pihak-pihak yang berkenaan iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mempersetujui supaya Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa penuh bagi mengawal kemasukan orang-orang ke negeri itu dan Peruntukan Kuasa-kuasa Kawalan Imigeresen itu juga termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia kita, di mana Undang-undang Imigeresen yang menyentuh Kuasa-kuasa Kawalan Imigeresen bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak hanya boleh dipinda dengan persetujuan kedua-dua buah negeri itu. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tujuan Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak pada jangka panjangnya untuk mempunyai undang-undang yang sama mengenai Imigeresen dan juga soal-soal yang lain. Untuk mencapai tujuan ini satu Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah ditugaskan sekarang untuk menyemak semula Undang-undang Imigeresen dan membuat laporan kepada Kerajaan atas langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyatukan Undang-undang Imigeresen bagi seluruh Malaysia dan Jawatankuasa itu akan mengemukakan laporannya kepada Kerajaan dalam sedikit masa lagi.

## DEMAM DENGGI HAEMORRHAGIC

7. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada kejadian demam denggi sekarang terkawal, bertambah atau berkurang;
- (b) sebab-sebab kejadian demam denggi yang teruk di Negeri Johor di mana bilangannya terbesar sekali;
- (c) samada Menteri berpuashati bahawa bantuan teknikal dan kebendaan yang cukup dan pekerja perubatan yang bertambah ramai telah ditugaskan ke Negeri Johor untuk mencegah kejadian itu; dan
- (d) samada Menteri berpuashati bahawa orang ramai bekerjasama sepenuhnya untuk memusnahkan tempat-tempat membiak nyamuk di dalam dan di sekeliling halaman rumah. Jika tidak, apakah langkah-langkah deraan yang telah diambil atau akan diambil oleh Menteri mencapai objektif ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kejadian penyakit demam denggi haemorrhagic yang berlaku sekarang telah dapat dikawal dan laporan mengenainya sedang berkurangan di seluruh negara sekarang.
- (b) Sebab kejadian itu banyak berlaku di Negeri Johor boleh jadi disebabkan oleh tingginya angkaganda-angkaganda Aedes aegypti yang telah didapati di Negeri Johor, terutama sekali di Batu Pahat dan Pontian, di mana angkaganda-angkaganda di kampung-kampung biasanya tinggi, tidak seperti dikebanyakan kawasan-kawasan lain di negeri ini di mana angkaganda-angkaganda Aedes aegypti biasanya didapati tinggi di kawasan-kawasan dalam bandar.
- (c) Kementerian yang berkenaan puashati bahawa pembantu-pembantu teknik dan resource secukupnya telah diberikan kepada Negeri Johor bagi menghadapi kejadiannya.
- (d) Pada keseluruhannya Menteri Kesihatan tidak puashati di atas kerjasama yang diberikan oleh masyarakat umum, bagi mengurangkan tempat pembiakan nyamuk di keliling kawasan dan di

dalam rumah. Di setengah-setengah daerah kerjasama didapati sangat memuaskan, tetapi di beberapa daerah kerjasama tidaklah memuaskan. Bagi membetulkan masalah itu Yang Berhormat Menteri itu telah mengarahkan Kementeriannya untuk meninjau perkara mengambil tindakan undang-undang dan berharap kuasa-kuasa undang-undang ini diberikan kepada pegawai-pegawai Kementerian itu di dalam Akta yang sedang disediakan sekarang, bagi mengambil tindakan ke atas yang bersalah.

## UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MALAYSIA—PEMOHON-PEMOHON

8. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pemohon-pemohon untuk memasuki berbagai universiti di negara kita pada tahun akademik 1974 dan berapa ramai yang telah berjaya dan ditolak dengan memberi pecahan-pecahan angka menurut kaum bagi setiap universiti.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah permohonan	...	...	22,434
Jumlah permohonan yang berjaya	...	...	6,095
Jumlah permohonan yang tidak berjaya	...	...	16,339

Bilangan yang berjaya dipilih menurut Universiti dan kaum adalah seperti berikut:

Universiti	Bumiputra	China	India	Lain-lain
Universiti Malaya	1,260	1,184	175	42
Universiti Kebangsaan	731	46	13	2
Universiti Sains Malaysia	412	429	47	23
Universiti Pertanian termasuk Kursus Diploma	609	145	34	1
Institusi Kebangsaan termasuk Kursus Diploma	868	65	9	—

Bilangan yang ditolak menurut Universiti dan kaum adalah seperti berikut:

Universiti	Bumiputra	China	India	Lain-lain
Universiti Malaya	846	736	111	46
Universiti Kebangsaan	555	29	5	4
Universiti Sains Malaysia	843	933	82	20
Universiti Pertanian	7,292	2,225	368	15
Institusi Teknologi Kebangsaan	1,609	558	52	10

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Soalan tambahan. Pengambilan bagi tahun Pengkajian Akademik 1974-1975 yang disebutkan tadi bagi Universiti Kebangsaan, adakah termasuk pengambilan baharu bagi cawangan Nilam Puri di Kelantan?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tidak termasuk lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah angka itu tidak dimasukkan ke dalam pengambilan bagi Nilam Puri?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Sebenarnya, pengambilan itu belum dapat dipastikan lagi; masih lagi dalam kajian.

#### DADAH BERBAHAYA— PENYELUDUPAN

**9. Tuan Chua Ching Cheng** minta Peguam Negara menyatakan samada beliau sedar bahawa kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah bahaya sedang bertambah sekarang dan jika ya, maka untuk membasmi ancaman sosial ini, samada beliau bercadang supaya penalti yang lebih berat iaitu hukuman penjara sampai mati dikenakan kepada mereka yang didapati sabit melakukan kesalahan tersebut.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah berbahaya sedang bertambah sekarang ini. Sebaliknya, saya sendiri percaya bahawa kegiatan-kegiatan penyeludupan dalam tempoh enam bulan yang lalu telah semakin berkurangan. Keadaan yang memuaskan ini telah dicapai melalui tindakan-tindakan lebih baik yang jalankan oleh Polis, Kastam dan Biro Narkotik dan melalui kerjasama dengan negara-negara lain.

Sungguhpun perangkaan mengenai tangkapan dan rampasan bagi tahun 1973 menunjukkan jumlah kejayaan yang tertinggi sekali jika dibandingkan dengan jumlah kejayaan bagi tiap-tiap tahun dalam tiga tahun yang lalu, tetapi ini tidaklah semestinya bererti bahawa kegiatan-kegiatan penyeludupan telah semakin bertambah. Sebenarnya kejayaan-kejayaan ini menunjukkan bahawa betapa azamnya, berminatnya dan kerjasamanya ejensi-ejensi penguatkuasa

kita, iaitu Polis, Kastam dan Biro Narkotik pada menjalankan tugas masing-masing untuk mengurangkan, atau untuk sekurang-kurangnya mengawal kegiatan-kegiatan mereka itu.

Berkenaan dengan memberatkan lagi penalti atau hukuman Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 telahpun dipinda dalam tahun 1973 dengan tujuan yang sedemikian. Seksyen 39A khususnya memperuntukkan bahawa seseorang yang didapati memiliki heroin atau morphine sebanyak 5 gramme atau lebih boleh dihukum penjara selama tempoh dari 3 hingga 14 tahun dan tidak ada opsen denda. Bermakna sekurang-sekurangnya tiga tahun minimum sentence sampai 14 tahun. Pindaan itu telah dibuat dalam tahun 1973.

Mahkamah-mahkamah telah bersikap tegas tentang kes-kes ini. Kadang-kadang kalau hukumannya ringan, saya telah mengarahkan akan dibawa untuk ulang bicara di Mahkamah Tinggi supaya dapat hukuman yang lebih berat lagi. Misalnya, dalam kes membuat heroin secara menyalahi undang-undang di Bukit Mertajam tahun lalu, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun ke atas pesalah. Bagi kes-kes yang melibatkan pemilikan heroin sebanyak 10 ozs. dan 2 lbs. Mahkamah di Pulau Pinang telah menjatuhkan bagi masing-masingnya hukuman penjara selama 5 tahun dan 10 tahun.

Buat sementara ini, saya rasa penalti-penalti yang diperuntukkan oleh Ordinan itu adalah mencukupi, tetapi jika sekiranya keadaan berubah, saya tidak akan beragak-agak kembali ke Dewan ini dan meminta supaya diluluskan penalti-penalti yang lebih berat lagi, biar sekalipun penalti itu penjara seumur hidup, ataupun ditambah dengan dimestikan sebat dengan rotan, misalnya tidak kurang daripada enam kali tetapi kalau sekiranya denda ini tidak dapat dikawal, saya berjanji akan bawa pindaan itu ke dalam Dewan ini.

#### KERUSI MEJA DI SEKOLAH- SEKOLAH—KEKURANGAN

**10. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar akan kekurangan atau keadaan daif kerusi meja di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Negeri Perak

dan jika ya, adakah Kerajaan akan memperuntukkan kerusi meja percuma yang baru kepada sekolah-sekolah yang memerlukannya.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi keadaan ini bukannya terdapat di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Negeri Perak sahaja tetapi juga dikebanyakan sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah di luar bandar. Sememangnya menjadi tujuan Kementerian Pelajaran untuk mengganti kerusi meja itu dengan yang baru, tetapi memandang kepada peruntukan kewangan yang terhad maka terpaksa Kementerian Pelajaran mempertimbangkan permohonan-permohonan mengikut keutamaan.

Pada tahun 1973 peruntukan untuk kerusi-kerusi meja bagi sekolah rendah ialah \$220,000 tetapi tahun 1974 sudah naik tiga kali ganda lebih iaitu \$774,000.

#### **BUKU-BUKU TEKS—SEKIM PINJAMAN**

**11. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan memberi buku-buku teks percuma kepada murid-murid Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) sama seperti yang diberikan kepada murid-murid Darjah I hingga 6 di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) mulai 1975, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, sekim pinjaman buku-buku teks yang akan dilaksanakan mulai tahun 1975 adalah meliputi semua jenis sekolah bantuan penuh, yakni termasuklah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Adalah dianggarkan bahawa 50% daripada murid-murid di semua jenis sekolah bantuan penuh ini akan menerima bantuan tersebut. Ini bermakna bahawa semua murid-murid yang miskin yang memerlukan bantuan akan menerimanya. Kemudahan ini diberikan kepada semua murid-murid di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sekarang kerana pada masa-masa yang lampau sebahagian besar daripada murid-murid itu telah dibekalkan dengan buku-buku teks percuma.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 adalah diberi di bawah ini).*

#### **GAS—KENAIKAN HARGA**

**3. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar harga gas untuk masak telah dinaikkan baru-baru ini, dan jika ya, adakah kenaikan harga ini telah mendapat persetujuan dari Kementerian beliau; dan samada Kerajaan bercadang memberi subsidi untuk gas ini supaya harganya dapat diturunkan untuk kepentingan rakyat.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Gas tidak termasuk senarai barang-barang kawalan. Oleh yang demikian Kerajaan tidak boleh menyekat kenaikan harga bahan tersebut. Soal subsidi adalah perkara yang hanya dapat ditimbang dalam konteks keseluruhan dasar kewangan Kerajaan dan hanya boleh dikemukakan kepada pihak yang berkenaan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

##### **RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLOK PEROSAK**

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*3.03 ptg.*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengawal pengimpotan perkilangan, penjualan dan lain-lain perniagaan atau pun pengurusan, dan penggunaan racun-racun makhlok perosak. Bahaya dan kerosakan yang boleh disebabkan oleh salahguna ataupun kecuaiian menyimpan dan menggunakan bahan-bahan racun ini mempunyai akibat-akibat yang buruk kerana boleh mencederakan manusia, binatang dan lain-lain makhlok alam, merosak dan mengotorkan alam sekeliling, mematikan ikan dalam sungai dan lain-lain.

Kawalan akan dikenakan terhadap pengimpotan dan pembuatan racun-racun makhlok perosak ini bertujuan seperti berikut:

- (a) Racun Makhlok Perosak yang tidak dibenarkan digunakan di negara-negara yang maju oleh sebab sangat merbahaya kepada manusia atau tidak mujarab untuk mengawal musuh tanaman akan dilarang penjualannya di negeri kita;
- (b) Racun Makhlok Perosak yang sangat merbahaya untuk kegunaan am boleh diberi kebenaran untuk digunakan menurut cara yang dirumuskan berseesuaian dengan keadaan ladang;
- (c) Racun Makhlok Perosak yang sangat merbahaya boleh dalam satu bentuk boleh diubah kepada bentuk lain seperti biji-bijian supaya tidak merbahaya kepada petani-petani dan orang ramai dalam pengedaran dan apabila digunakan kelak;
- (d) Sesuatu Racun Makhlok Perosak dalam pengedaran akan ditentukan kekuatannya untuk memusnahkan musuh tanaman mengikut kesesuaiannya supaya petani-petani mengerti Racun Makhlok Perosak yang paling sesuai untuk tujuan mereka itu;
- (e) Menentukan kekuatan Racun Makhlok Perosak yang disyorkan bagi tanaman supaya tidak akan mematikan ikan dalam sawah padi dan sungai-sungai dan juga tidak membunuh binatang ternakan di ladang-ladang;
- (f) Mengatur cara-cara yang selamat untuk menyimpan, menggunakan, penyebaran dan apa-apa langkah yang perlu diambil apabila terjadi kemalangan dan mencatatkan lebel bungkusannya;
- (g) Pendaftaran dan cerakinan kimia racun-racun makhlok perosak itu bukan sahaja untuk melindungi pengguna dari penipuan dan lebih penting lagi ialah untuk diketahui keracunan bagi maksud memberi bantuan mengubati orang-orang dan binatang-binatang yang kemalangan;
- (h) Mengawal pembungkusan supaya mengelakkan daripada menggunakan bahan-bahan yang senang bocor. Akhirnya, tidak membenarkan racun-racun makhlok perosak diisikan ke dalam botol-botol yang serupa dengan

yang selalu digunakan untuk botol minuman atau minyak masak untuk mengelakkan kekeliruan yang boleh menyebabkan kemalangan, terutama kepada kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 10 bahagian dan tujuan-tujuan telah dihuraikan dalam pengukuran Rang Undang-undang ini sendiri. Saya hanya menarik perhatian kepada peruntukan-peruntukan yang penting sahaja yang saya fikir patut mendapat perhatian di Dewan ini.

Sebuah Lembaga Racun Makhlok Perosak akan ditubuhkan untuk menasihatkan Menteri mengenai aspek-aspek penggunaan, pengilangan, pengedaran racun-racun makhlok perosak itu.

Lesen-lesen mengilang Racun Makhlok Perosak itu akan dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhlok Perosak dan lesen-lesen jenjual atau menyimpan untuk jualan racun itu akan dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai Pelesen Racun itu.

Sisa-sisa ataupun "residue" Racun Makhlok Perosak di dalam makanan sebagaimana yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang tersebut adalah mustahak dikawal supaya makanan untuk orang ramai terjamin selamat, juga kuantiti atau banyaknya sisa-sisa pada makanan yang akan diekspot menepati kehendak-kehendak negara pengimpot. Jika bahan ini tidak diterima oleh negara mengimpot disebabkan berlebihan sisa-sisa Racun Makhlok Perosak di dalam makanan dan buah-buahan negara kita akan mengalami kerugian pertukaran matawang bagi masa akan datang.

Laporan dan penyelidikan atas kemalangan dan kematian yang disebabkan oleh Racun Makhlok Perosak ini akan memberi jawapan untuk menentukan bahawa kemalangan-kemalangan seumpamanya tidak akan berlaku lagi.

Tanggungjawab dikenakan kepada majikan-majikan dan pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar supaya melapurkan kepada Menteri mengenai kes-kes kematian dan bencana yang disebabkan oleh Racun Makhlok Perosak.

Menteri yang berkenaan itu mempunyai kuasa mengarahkan satu siasatan atau penyiasatan diadakan mengenai kes-kes itu.

Di bawah Rang Undang-undang ini pengeluaran Racun Makhluk Perosak, dikehendaki membuat rumusan dan kepekatan yang paling sesuai untuk keadaan pertanian di Malaysia yang betul-betul terselamat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada 120 jenis Racun Makhluk Perosak terdapat di Malaysia ini. Adalah difikirkan mustahak dipotong beberapa bahan tertentu daripada kawalan undang-undang racun yang wujud di Malaysia dengan mengawal bahan-bahan itu kesemuanya di bawah Undang-undang Racun Makhluk Perosak yang kita cadangkan.

Peraturan kawalan ini adalah dicadangkan supaya berkuatkuasa tanpa menyebabkan kesusahan yang tidak sepatutnya kepada orang-orang yang berniaga atau menguruskan bahan-bahan itu dalam bidang mengawal Undang-undang Racun kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*3.12 ptg.*

**Datuk J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang, dan saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr President, Sir, pesticides used to be under the control of the Poisons Board, but some two years ago they were transferred by that Board to the Ministry of Agriculture. The plantation industry, including smallholders, are by far the biggest users of herbicides, weedicides and fungicides throughout Malaysia and, for that reason, had a representative on the Poisons Board. However, the proposed amendment to the Poisons Ordinance, 1952, as contained in the Pesticides Act, 1974, quite rightly has omitted this representative, as pesticides are no longer under the Poisons Ordinance but have their own legislation which we are now debating.

Sir, the Pesticides Bill before us provides for a Board of twelve, all from Government Departments, except for the Director of the R.R.I., which is the Research Institute financed entirely by the rubber industry, but it can hardly be said to actually represent the producers of plantation crops such as oil palm, cocoa, coffee, rubber, etc. For instance, the R.R.I. "Cocktail", as a mixture of suitable herbicides and weedicides is called, is no doubt most efficient but rather it tends to be more expensive than the "Planter's Cocktail", which is both fairly cheap and effective. I know, Tuan Yang di-Pertua, that no change can be made in the Pesticides Bill now, but perhaps the Honourable Minister would bear in mind the point I have raised for action at a suitable time when the Pesticides Act is to be amended for some reason or the other.

In conclusion, I fully support the Act to control pesticides.

*3.15 ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak, 1974. Saya tidak bercadang hendak mengambil masa yang panjang dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Adalah jelas dan nyata kalau kita lihat daripada Jadual yang bersama dengan Rang Undang-undang ini betapa banyaknya jenis Racun Makhluk Perosak yang boleh digunakan dan saya percaya dari semasa ke semasa senarai itu akan bertambah dan berubah.

Negara kita ini sedang menjalankan dengan giatnya dari segi bidang pertanian dan kita sedang menjalankan secara moden dan sudah tentu kalau kita hendak memodenkan sektor pertanian kita, maka terpaksa kita menggunakan Racun Makhluk Perosak. Saya sangat-sangat berterima kasih kepada Kerajaan, kerana mengadakan Rang Undang-undang ini, dan dengan adanya Rang Undang-undang semacam ini, maka bolehlah dikawal sedikit-sebanyak penggunaan racun yang sangat merbahaya bukan sahaja kepada manusia tetapi juga kepada haiwan.

Penggunaan Racun Makhluk Perosak sudah mula sampai ke kampung-kampung. Orang-orang kampung yang dahulu bertanam padi,

umpamanya, dengan tidak payah menggunakan Racun Makhluk Perosak, sekarang ini sudah pandai menggunakannya. Tetapi, petani-petani itu bukanlah terdiri dari orang-orang yang terpelajar sangat, kadangkala mereka dengar dakyah-dakyah yang baik, ada juga dakyah-dakyah yang tak baik yang mengatakan gunakan racun jenis ini dan bukannya jenis yang itu. Di sini saya minta semasa kita menguatkuasakan Undang-undang ini, kita mestilah sedar tentang kedudukan petani kita supaya petani-petani kita itu menggunakan racun-racun makhluk perosak yang betul-betul akan memberi keuntungan dan juga memberi keselamatan kepada mereka. Sungguhpun dalam Rang Undang-undang ini ada peruntukan mengatakan bahawa racun-racun itu mestilah dibubuhkan dengan label yang betul. Di sini saya membuat satu rayuan supaya label-label itu bukan sahaja dibuat dalam bahasa Inggeris, tetapi juga dalam Bahasa Malaysia atau apa juga bahasa yang selalu digunakan oleh petani-petani kita, kerana itu sangatlah mustahak. Kalau perlu, bagi syarikat-syarikat yang sudah banyak ditubuhkan di sini menjalankan perniagaan dan juga pembuat Racun Makhluk Perosak ini biarlah mereka memberi penjelasan yang lebih lanjut kepada petani-petani yang menggunakan racun-racun itu.

Saya sedar betapa susah hendak mengesan orang-orang yang telah menggunakan Racun Makhluk Perosak ini dengan salah, kerana saya sendiri pada satu masa yang lalu telah terlibat dalam perkara ini. Racun makhluk perosak telah digunakan di tepi paya yang bersempadan dengan kawasan saya, tetapi apa yang saya tahu itik saya berpuluh-puluh ekor telah mati. Jadi bagaimana hendak mengesan racun itu apakala telah berlaku atas perkara ini, kerana hendak mengesan racun itu pun tidak didapati. Ini menunjukkan betapa sukarnya kalau kita tidak memberi penerangan yang terang kepada pengguna-pengguna Racun Makhluk Perosak itu, orang lain akan susah.

Saya sedar juga bahawa terutama sekali di kampung-kampung jikalau Racun Makhluk Perosak ini digunakan di ulu-ulu sungai ada yang berlaku, tetapi apabila sampai di hilir, orang yang di hilir itu akan mendapat bencana. Saya sedar beberapa perkara yang semacam ini telah berlaku yang mana penduduk-penduduk di hilir sungai telah mendapat kerosakan akibat penggunaan

racun di hulu sungai tanpa pengetahuan mereka dan ini satu perkara yang sukar sangat hendak dikesan. Di sinilah saya harap apabila undang-undang ini telah diluluskan kita akan mempunyai agak ramai sedikit pegawai-pegawai yang boleh menguatkuasakan dengan sepenuh-penuhnya maksud dan tujuan di bawah undang-undang ini.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokongnya.

3.22 *ptg.*

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong Rang Undang-undang ini, kerana saya dapati bahawa inilah satu Rang Undang-undang yang cukup baik dan cukup tepat diadakan pada masa ini, oleh sebab petani-petani kita hendak memodenkan kerja mereka maka banyakkah racun-racun dan ubat-ubat serangga yang mereka gunakan. Maka dengan adanya begini mudah-mudahan dapat mereka menggunakan dengan sebenarnya.

Saya tahu sewaktu saya bekerja dahulu, satu daripada racun yang merbahaya ialah sodium arsenite yang gunanya untuk membunuh lalang. Jadi sodium arsenite ini bukan sahaja membunuh lalang, tetapi akan membunuh manusia lebih teruk lagi. Jadi masa dahulu banyakkah pekerja-pekerja ladang getah yang selalunya kena arsenite oleh sebab apabila mereka pergi meracun itu tangannya tidak dicuci, balik ke rumah terus makan jadi kena racun. Dengan adanya undang-undang begini tentulah peladang-peladang akan menjaga supaya jangan terjadi keburukan kepada pekerja-pekerja juga.

Bagi pihak petani-petani pada masa ini oleh sebab hendak memodenkan bendang-bendang mereka, maka banyak mereka menggunakan baja-baja dan racun serangga. Racun serangga ini setengahnya tidak merbahaya, tetapi ada setengahnya racun serangga itu bukan sahaja dia boleh membunuh ulat, membunuh benda-benda yang memakan pokok padi, ia juga boleh membunuh segala ikan-ikan yang ada di dalam bendang itu. Jikalau ada undang-undang ini dapatlah pakar-pakar dari Lembaga boleh memberitahu kepada peladang-peladang janganlah menggunakan sebarang racun, kerana racun itu bukan sahaja boleh membunuh ulat, bahkan dia boleh membunuh

ikan di dalam bendang itu, kerana kita tahu orang bendang itu bukan sahaja dia hidup dengan padi, mereka juga hidup mencari ikan-ikan darat iaitu seperti ikan keli, ikan haruan, ikan sepat dan sebagainya. Jadi kalau ikan-ikan itu mati jadi makanannya hilanglah pendapatan mereka. Saya tengok nama-nama ahli lembaga ini terdiri daripada Ketua Pengarah Pertanian, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Ketua Pengarah Kimia dan lain-lain, saya bersetuju sangat. Saya percaya dengan adanya ahli-ahli yang pengetahuan tinggi begini maka dapatlah mereka ini memberitahu petani-petani dan juga segala organisasi yang bersangkutan-paut yang menggunakan racun-racun supaya dapat mereka menggunakan cara yang baik, dan dapatlah pakar-pakar ini menjaga peniaga-peniaga yang setengahnya itu hendak mencari wang sangat membuat racun cara haram atau membuat racun dengan tidak sempurna. Kalau kita tidak adakan undang-undang ini bermakna tiap-tiap orang boleh membuat racun. Jadi dengan adanya undang-undang ini, seseorang yang hendak membuat racun itu mereka terpaksa memberitahu dahulu apa nama racunnya dan apa component atau benda-benda yang hendak digunakan. Dengan itu, saya harap segala racun-racun serangga yang akan diperbuat di masa hadapan kelak adalah dijamin baik dan tidak merbahaya.

### 3.25 ptg.

**Tuan Haji Zainuddin bin Mohd. Sidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak, 1974. Apabila saya membaca Rang Undang-undang ini, saya dapati semuanya tersusun dengan baik. Saya berharap apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, tidaklah ada perkara-perkara yang membimbangkan rakyat, kerana saya dapat tahu bahawa pada masa yang lampau racun-racun yang boleh merosakkan binatang-binatang telah bermaharajalela, dan perkara ini selalunya timbul daripada estet-estet kebun-kebun besar yang mana tidak dapat dikawal langsung kerana estet-estet ini diberi kepada buruh dan buruh-buruh ini juga cuai mengawal keadaan racun-racun perosak ini. Saya berharap kepada pihak Kerajaan hendaklah apabila agen-agen menjual racun ini menjual kepada satu-satu kebun besar atau kecil hendaklah dikawal, didaftarkan nama dan tempat-tempat kediamannya. Apabila perkara ini berlaku

dalam kawasan itu, maka merekalah yang akan kita tuduh mencuaikan racun yang menyebabkan keseluruhan binatang-binatang mati dan sebagainya. Di sini saya dapat tahu bahawa kebanyakan orang-orang kampung mewah berkenaan dengan racun ini, boleh jadi racun ini dapat daripada estet-estet, diisi dalam botol dan digunakan kepada kawasan-kawasan, terutama sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi digunakan untuk menangkap ikan di lombong-lombong, di sawah-sawah dan di sungai-sungai. Perkara yang semacam ini saya nampak kalau Kerajaan tidak mengawal ketat penjual racun-racun ini kepada peserta-peserta, maka racun ini akan bermaharajalela dan akan merosakkan negara. Saya tidaklah hendak berucap panjang dan lebar pada hari ini, memadailah apa yang saya menarik perhatian Kerajaan ini supaya dapat mengawal lebih ketat lagi berkenaan dengan racun ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada 4 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Rang Undang-undang dan memberi tegoran-tegoran yang saya fikir telah kita catit dan mengambil tindakan apakala diluluskan Rang Undang-undang ini dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya cuba juga menjawab sepatah dua kepada Ahli Yang Berhormat yang menegur atau yang membawa pandangan.

Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin Kementerian berjanjilah akan mengadakan kelas-kelas khas di mana peladang-peladang akan diajar cara-cara menggunakan racun serangga itu yang lebih selamat pada masa akan datang, dan juga dalam regulation atau peraturan yang kita buat kita akan mestikan ada label atau tanda di sebelah luarnya itu ditulis dalam bahasa Malaysia, bahasa-bahasa lain misalnya bahasa China dan lain-lain bahasa mengikut keadaan kaum-kaum yang kita fikirkan banyak menggunakan racun-racun ini. Tidak guna kita adakan hanya dalam bahasa Inggeris sahaja, kerana pesticide datang dari luar negeri masuk ke dalam negeri kita cuma dalam bahasa Inggeris sahaja dan mestilah ada bahasa kaum-kaum negeri ini kerana itulah tujuan yang sangat mustahak yang kita mesti jalankan.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Dato' Crawford pula, izinkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, if I am not mistaken, Yang Berhormat Datuk Crawford has asked why the private sector is not represented on the Pesticides Board as is the case in respect of the Poisons Board. Sir, on the Poisons Board established under the Poisons Ordinance, 1952, we have representatives from the Malaysian Medical Association, the Pharmaceutical Society, the Medical Council of Malaysia, the Rubber Producers' Council, the International Chamber of Commerce, the Malay, Chinese and Indian Chambers of Commerce and, in addition to that, the Director-General of Health and representatives of other Government bodies. Now, Sir, this is because the Poisons Board is an Advisory Board to the Minister of Health who also amends the poisons list from time to time on the advice of the Poisons Board. However, in the Bill before us, the Pesticides Board is a different Board with different functions. It is a regulatory body which itself makes decisions on the registration and licensing of manufacturers, the sale of manufactures, the use of pesticides and so on. So, as you will see, Sir, this Board has got some sort of an executive job in deciding as to who are to be importers, who should be the manufacturers and so on. So, if you bring an outsider onto this kind of decision making body, then it might become very difficult. Therefore, we feel that only members from the Government and quasi-Government bodies should be allowed in this Body because they cannot be biased in making all these decisions.

However, in cases where there is a need for information on pesticides which the Board feels can be supplied by a certain firm, the Board will invite representatives from the firm concerned to present the information at the Board meeting. There is provision for that. Even though the private sector is not represented on the Pesticides Board, e.g. the Planters' Association, the Bill has made provisions for appeal to the Minister against the decisions of the Board on the registration of pesticides under Clause 11 or on the manufacture, the sale or the storage of pesticides under Clause 19. Wherever it is necessary, there is provision

in the Bill where the Board may invite interested bodies to come in before any decision is made.

We quite realise, Sir, that this Bill is really for the protection of those who use pesticides, but being a responsible body, the Board also realises the part played by pesticides in the economy of this country and in agriculture. They have to make sure on balance that whatever action is taken would not affect, for example, the plantation economy of this country. But the main purpose of this Bill is not to prohibit or to make it more difficult for the use of pesticides by big estates but it is to control and to safeguard with regard to the usage of pesticides. This is the main purpose of this Bill. Itulah sahaja yang dapat saya jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 67* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Ketiga* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

3.36 *ptg.*

## RANG UNDANG-UNDANG DOKTOR VETERINAR

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Doktor-doktor Veterinar, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi mendaftarkan pengamalan doktor-doktor Veterinar dahulu dipanggil Doktor Haiwan. Dan di samping itu membuat bagi maksud-maksud negara peruntukan-peruntukan tertentu mengenai tempoh perkhidmatan Doktor-doktor Veterinar dalam Perkhidmatan Awam selepas pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini pengalaman doktor-doktor haiwan tidak mempunyai peraturan-peraturan yang sepatutnya ada dan mempunyai taraf iktisas yang sesuai dengan taraf-taraf iktisas yang lain. Aktiviti-aktiviti daripada ini ialah kemusykilan atas ertikata amalan doktor-doktor Veterinar. Dengan demikian, nampaknya bolehlah dikatakan sesiapa sahaja yang ingin hendak membuat apa-apa pekerjaan suntikan, perubatan, pembedahan dan sebagainya atas ternakan atau binatang bolehlah menjalankan perubatan demikian dengan tidak ada apa-apa peraturan-peraturan bagi mengawasi mereka itu.

Dengan berkembangnya perkhidmatan haiwan dari sektor awam dan swasta dan dengan kegiatan Kementerian yang berkenaan bagi meninggikan taraf kesihatan dan pengeluaran ternakan di negara kita ini telah tibalah masanya bagi nama baik pengamalan Doktor-doktor Veterinar ini diberi pengiktirafan.

Undang-undang yang dicadangkan ini akan menentukan siapakah yang sebenarnya boleh menggunakan nama Doktor Veterinar atau Veterinary Surgeon dan tugas-tugas, fungsi-fungsi dan tanggungjawab aktisas mereka juga akan diterangkan dengan jelasnya supaya tidak akan mengelirukan masyarakat kelak. Pengamalan Doktor Veterinar sudah tentu akan nampak lebih kurang sama luasnya dengan ertikata pengalaman Doktor Perubatan. Rang Undang-undang ini juga dapatlah diketahui bahawa amalan Doktor-doktor Veterinar adalah amalan yang boleh dijalankan atau diamalkan oleh seorang yang telah menjalankan latihan yang tertentu dan yang diiktirafkan mengikut Undang-undang kita. Rang Undang-undang ini akan mewujudkan satu daftar Doktor-doktor Veterinar yang akan mengandungi nama dan kelulusan mereka yang telah mengikuti pelajaran dan latihan yang didapati daripada institusi-institusi yang disenaraikan di dalam Jadual

atau Schedule yang Kedua dalam Rang Undang-undang kita. Sebuah majlis Doktor-doktor Veterinar pula akan ditubuhkan berkuasa untuk mengeluarkan Sijil Amalan di bawah Rang Undang-undang ini. Majlis ini akan mempunyai kuasa menarik balik atau membatalkan sijil yang dikeluarkan itu, jika didapati mereka yang mempunyainya telah melakukan kesalahan jenayah yang biasanya boleh didenda dengan hukuman penjara selama dua tahun atau lebih. Selain daripada itu, sijil ini boleh juga ditarik balik juga jika seorang itu telah menjalankan apa-apa perbuatan yang diterangkan di dalam Undang-undang ini, sebagai yang menyinggong segi iktisas.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Doktor Veterinar Malaysia akan mempunyai wakil-wakil daripada Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya yakin penubuhan Majlis ini akan mewujudkan faedah-faedah kepada kesatuan (unity) iaitu atas pengawalan yang baik bagi iktisas ini dan membaiki serta mengemaskan pandangan-pandangan iktisas ini kepada Kerajaan dan sebaliknya memberi koordinasi yang baik di antara Semenanjung Malaysia ini, Sabah dan di Sarawak. Majlis ini adalah dicadangkan badan yang tertinggi sekali bagi hal-ehwal kedokteran haiwan dari segi pengawasan tata-tertib doktor-doktor veterinar, menentukan apa-apa yang sepatutnya dilakukan oleh mereka dan menentukan dengan persetujuan Menteri Pertanian dan Perikanan bayaran-bayaran yang akan dikenakan bagi pendaftaran dan juga peraturan-peraturan sebagaimana seorang Doktor Veterinar yang telah didaftarkan itu boleh dilucutkan pendaftarannya jika ia melakukan apa-apa yang tidak dianggap sebagai kelakuan iktisas.

Akhirnya, sebagaimana didapati dalam Akta Doktor Perubatan, peruntukan juga dibuat bagi kepentingan Kerajaan jika kepentingan negara memerlukan mengambil mana-mana Doktor Veterinar yang baru didapati berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sesuai dengan kelulusan dan kelayakan bagi satu tempoh yang akan ditentukan. Syarat pendaftaran yang demikian itu telah juga dikenakan kepada Jurutera dan lain-lain para iktisas yang sangat kekurangan di negara kita ini. Dengan cara yang begitu

para iktisas akan menyumbangkan perkhidmatannya kepada pembangunan negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.42 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kepada Menteri, apabila kita luluskan undang-undang ini nama "haiwan" itu akan ditukarkan dengan "veterinar". Dahulu kita panggil "doktor binatang", kemudian kita tukar jadi "doktor haiwan". Pada hari ini adakah kita akan tukarkan pula jadi "doktor veterinar"? Jika sekiranya kita tukar jadi "doktor veterinar" adakah penukaran itu menyentuh jabatan-jabatan haiwan yang ada di seluruh negara kita ini menjadi "pejabat veterinar" ataupun masih kita gunakan "pejabat haiwan" ataupun "jabatan haiwan". Jikalau sekiranya kita hendak tukar bermakna adakah kita tukar daripada sekarang kita bimbang orang kampung cari veterinar ini tidak jumpa dengan haiwan, kerana ini adalah istilah baru yang mungkin belum ada dalam kepala rakyat kampung di negara kita ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selama ini dipakai "doktor haiwan". Sekarang nampaknya lebih setuju berkehendakkan "doktor veterinar". Ini lebih tepat maknanya (veterinary, sebab, haiwan itu sudah lain benar bunyinya. Walau bagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat ada pindaan-pindaan dalam undang-undang itu yang dibawa di dalam Dewan Rakyat iaitu jabatan yang ada sekarang ini masih lagi "Jabatan Haiwan" dan "Pengaroh Jabatan Haiwan" itu masih digunakan lagi. Cuma veterinar yang di pakai dalam undang-undang ini. Tetapi dalam bahasa Kebangsaan kita jabatan-jabatan dan pengarah-pengarah yang ada itu dipakai lagi perkataan "haiwan". Tetapi dalam undang-undang dalam bahasa Inggeris ini dipakai "veterinar" dan dalam undang-undang ini dikatakan "veterinar" sebagaimana pindaan yang ada. Pejabat atau jabatan-jabatan yang ada itu masih lagi di-

gunakan "haiwan" atau "doktor haiwan", itu tidaklah menyalahi. Saya sedar perubahan "doktor veterinar" ini mengambil masa, seolah-olah veterinar itu "doktor betina" pula. Ini merbahaya juga. Saya faham tentang hal itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 45* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang yang bertajuk "Akta Pengangkutan Melalui Udara, 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini sebagaimana dinyatakan dalam Huraian adalah bagi menyelaraskan dan memodenkan undang-undang Malaysia berhubung dengan pengangkutan melalui udara. Dalam tempoh masa 2 tahun yang lalu negara kita telah mengalami kemajuan yang pesat dan istimewa dalam perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan melalui udara setelah tertubuhnya Sistem Penerbangan Malaysia Sendirian Berhad (MAS). Maka selaras dengan perkembangan ini adalah didapati perlu supaya undang-undang berkenaan

diperkemaskan bagi melicinkan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Lagi pun pada masa ini undang-undang itu adalah dipakai menurut enakmen yang berasingan bagi lain-lain negeri di negeri Malaysia ini. Enakmen-enakmen itu memberi kuatkuasa kepada satu konvensyen antarabangsa iaitu Konvensyen Warsaw, 1929 yang menyatakan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan mengenai pengangkutan antarabangsa melalui udara. Peraturan-peraturan ini termasuklah peraturan-peraturan yang menetapkan cara-cara tiket-tiket penumpang dikeluarkan, cara-cara barang-barang atau baggage diterima dan juga barang-barang lain.

Peruntukan konvensyen itu juga menetapkan tanggungjawab dan tanggungan pengangkutan ataupun "limitation of liability of carrier" dalam bahasa Inggerisnya sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan kerosakan barang, kematian penumpang ataupun lukanya seseorang, sebab carrier itu menjalankan apa-apa kendalian bagi menaik atau menurunkan penumpang-penumpang.

Peruntukan konvensyen tersebut telah disemak dalam tahun 1955 dan tahun 1961 bagi membaiki cara-cara menjalankan perkhidmatan itu. Peruntukan konvensyen sebagaimana disemak pada tahun 1955 dan 1961 belum lagi dikuatkuasakan bagi negara Malaysia ini. Jadual Pertama dan Kedua dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini menjelaskan peruntukan konvensyen adalah terdiri daripada peruntukan-peruntukan konvensyen yang telah disemak. Dengan demikian, Rang Undang-undang ini bukan sahaja memberi kuatkuasa kepada peraturan-peraturan sebagaimana yang disemak pada tahun 1955 dan 1961 itu, malahan undang-undang ini akan menyatukan undang-undang yang berasingan di negeri kita ini.

Fasal 1 hingga 8 Rang Undang-undang itu adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan Konvensyen Warsaw, 1929 sebagaimana yang disemak berkaitan dengan tanggungjawab pengangkutan-pengangkutan ataupun carrier cjen-ejen mereka terhadap penumpang-penumpang ketika menjalankan perkhidmatan mereka dan juga sekiranya berlaku sebarang kemalangan. Peruntukan juga dibuat bagi menetapkan had tanggungan-tanggungan ataupun limitation of liability bagi pengangkutan-pengangkutan.

Fasal 9 membolehkan Yang di-Pertuan Agong untuk mengecualikan daripada kuatkuasa konvensyen itu kapal udara yang digunakan semata-mata bagi maksud tentera. Fasal-fasal yang lain berkaitan dengan aturcara membawa tuntutan-tuntutan ke Mahkamah dan sebagainya. Pada pertama kalinya peraturan-peraturan yang sama akan dikuatkuasakan bagi non-international ataupun domestic carrying.

Fasal 12 Rang Undang-undang membolehkan Yang di-Pertuan Agong untuk meluaskan peruntukan konvensyen kepada pengangkutan melalui udara yang dijalankan cuma di Malaysia.

Kaedah-kaedah menggunakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi pengendalian pengangkutan melalui udara akan dapat diperluaskan pada perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri. Fasal 12 akan juga menyatukan pemakaian peraturan-peraturan keseluruhan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*3.54 ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin Mohd. Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara, 1974 yang mana saya percaya tujuan Rang Undang-undang ini ialah menguatkuasa konvensyen-konvensyen iaitu Konvensyen Warsaw sebagaimana yang dipinda di Hague pada tahun 1955 dan juga Konvensyen Supplement yang telah ditandatangani di Guadalajara pada tahun 1961.

Mungkin dengan kerana kita telah mempunyai pengangkutan nasional sendiri ataupun National Carrier, maka kita bolehlah menganggap negara kita sebagai satu negara yang terpaksa bekerjasama dengan negara-negara lain terhadap pengangkutan melalui udara, dan kita terpaksa juga mematuhi konvensyen-konvensyen yang telah dipersetujui oleh negara-negara lain.

Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang di atas perkara ini, tetapi saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara terhadap beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini.

Pertamanya, di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang ini yang mana ada disebutkan berkenaan dengan masa untuk membawa tindakan. Nampaknya di sini masa yang dibenarkan ialah hanya 2 tahun. Dengan kebenaran, saya bacakan sedikit, Tuan Yang di-Pertua:

“7. (1) Tiada apa-apa jua tindakan terhadap seseorang penjawat atau ejen pengangkut, yang terbit dari kerosakan yang dimaksudkan oleh konvensyen itu boleh, jika penjawat atau ejen pengangkut itu telah bertindak dalam bidang pekerjaannya, dibawa selepas lebih daripada dua tahun dikira dari tarikh tiba di tempat tujuan atau dari tarikh kapal terbang itu patut telah tiba atau dari tarikh pengangkutan itu telah terhenti.”

Di sini nampaknya seseorang yang hendak membuat tuntutan itu mestilah membuat tuntutan itu dalam tempoh dua tahun selepas masa yang ianya dijangka tiba. Sungguhpun pada zahirnya dua tahun ini panjang, tetapi dari segi amalannya mungkin tidak, kerana bagi sesiapa juga yang hendak menjalankan kes tuntutan di Mahkamah atau apa-apa juga badan pemutus, maka kita dapati bahawa dua tahun ini mungkin singkat sedikit, terutama sekali bila kesemua keluarga yang menaiki kapal terbang itu hilang. Di sini, mungkin waris-warisnya mengambil masa untuk menentukan samada tindakan ataupun tuntutan hendak dibuat kepada kapal terbang itu.

Tuntutan yang lazimnya dibenarkan di Mahkamah kita di sini ialah ada had-hadnya kepada Kerajaan kita yang tidak berapa lama dahulu telah dipanjangkan kepada 3 tahun, kalau tidak salah saya bahawa tuntutan dari segi biasa selama 6 tahun, tuntutan berkenaan dengan tanah sampai 12 tahun dibenarkan. Di sini nampak saya, kita telah menurunkan kepada dua tahun. Mungkin tidak begitu cukup masanya. Kalau dapat, saya meminta perkara ini dikaji semula supaya masa itu dipanjangkan sedikit.

Saya ada satu pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu ada orang yang meminta membuat tuntutan di bawah undang-undang seperti ini, tuntutan berkenaan dengan keluarganya telah meninggal dunia akibat kapal terbang yang mereka naiki itu hilang, maknanya jatuh terhempas dan hilang. Perkara ini mengambil masa. Oleh kerana tidak ada orang yang

hendak mengelolakan, atau hendak memberitahu kerana keluarga-keluarganya yang dekat telah tiada, maka terpaksa menunggu anaknya yang kecil itu besar sedikit, anaknya atau saudaranya yang masih kecil, yang masih muda itu sudah cukup umur barulah boleh menuntut. Ini akan mengambil masa. Di sinilah nampaknya ada kesukaran sedikit. Saya mintalah perkara ini pada satu hari ditimbang jikalau ada kesusahan bagi rakyat.

Penjelasan yang kedua yang saya minta ini mungkin dari segi teknikal sedikit. Saya tidak begitu terang di bawah Perkara 22 kepada Konvensyen Warsaw sebagaimana yang dipinda di Hague, 1955. Di sini ada disebutkan di bawah Perkara 22:

“(1) . . . . . tanggungan pengangkut bagi tiap-tiap seorang penumpang adalah terhad sebanyak dua ratus lima puluh ribu francs . . . . .”

Saya minta penjelasan sedikit di sini apakah yang dimaksudkan dengan francs? samada Swiss francs, atau French francs? Saya minta sedikit penjelasan dari segi itu.

Sekianlah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokongnya.

4.01 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya tidak hendak mengupas tentang butir-butir dalam Rang Undang-undang ini, cuma saya suka memberi pandangan sedikit tentang kedudukan kemajuan berkenaan dengan pengangkutan udara dalam negara kita ini.

Pada masa ini Subang International Airport sedang diperbesarkan. Saya tengok kerja memperbesarkan airport itu sedang berjalan dan ini menunjukkan yang kita makin sehari makin maju dalam pengangkutan udara ini, tetapi sayang sedikit dalam memperbesarkan Subang International Airport yang bocor itu, sampai hari ini tidak ada apa yang diperbuatnya. Bangunan yang ada itu telah pecah-pecah, dan pada musim hujan saya tengok air hujan keluar daripada bumbung bangunan itu. Jadi seolah-olah bangunan yang begitu indah akan membawa satu pandangan yang sangat buruk kepada pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri.

Saya tidak faham kenapa bangunan itu tidak dapat diperbaiki sekarang, manakala kerja memperbesarkan bangunannya boleh dibuat kerana ada peruntukan-peruntukannya untuk memperbesarkan bangunan itu. Saya rasa Kementerian yang berkenaan bolehlah menarik pandangan Menteri Perhubungan kita supaya Menteri kita sendiri pergi melihat bangunan yang pecah-pecah itu diperbaiki supaya imej negara kita dengan keindahan airport yang tujuan asalnya untuk menunjukkan rupa yang baik kepada dunia luar itu dapat dikembalikan.

Saya rasa usaha untuk memperbanyakkan hubungan perjanjian-perjanjian berkenaan dengan pengangkutan udara dengan negara-negara di dunia ini patutlah dilakukan dengan seberapa pesat yang boleh supaya banyaklah kapalterbang daripada luar negeri datang dan singgah di Ibu Kota negara kita ini, kerana kita telah buat lapangan-lapangan terbang baru di Senai, Johor dan lapangan terbang di Kota Bharu sedang diusahakan untuk diperbesarkan dan barangkali beberapa tempat lagi akan diperelokkan. Tetapi kalau usaha untuk mengadakan hubungan pengangkutan udara dengan negara-negara di dunia ini dilambatkan, saya rasa ini adalah satu keadaan yang merugikan.

Sebagaimana yang kita telah maklum nama Malaysia ini telahpun timbul di dunia dengan satu imej yang baik dan telah menjadi tarikan yang kuat bagi mereka yang ada di seluruh dunia pada masa ini, terutama selepas kita mengadakan Persidangan Negara-negara Islam, selepas kita mengadakan Persidangan PATA, selepas kita mengadakan berbagai-bagai konvensyen dunia yang kita buat di Kuala Lumpur ini. Dengan kita mengadakan perhimpunan-perhimpunan itu, mereka yang datang menghadiri perhimpunan-perhimpunan itu telah tertarik dengan keadaan negara kita ini. Tetapi apa yang perlu sekarang ialah hubungan udara yang lebih banyak patut diadakan di antara negara-negara Timur Tengah umpamanya, dengan negara kita, di antara negara-negara di sebelah Barat patut diadakan supaya pelancung-pelancung yang hendak datang dapat menaiki kapalterbang mereka dan terus datang ke Kuala Lumpur dengan tidak susah singgah di Singapura, kemudian datang pula ke Kuala Lumpur. Ini menyebabkan kesulitan, sebab tiap-tiap penumpang yang turun di Singapura terpaksa diperiksa pasportnya untuk datang ke Kuala

Lumpur pula dan bertukar kapalterbang dan sebagainya. Ini adalah menyusahkan perjalanan yang mana akan melemahkan semangat mereka yang hendak datang ke Kuala Lumpur ataupun ke negara kita ini. Usaha yang seumpama ini patut diperbuat oleh Kementerian yang berkenaan dengan lebih bersungguh-sungguh. Kita tak mahu lapangan terbang kita yang begitu besar dan bangunan yang akan ditambah itu manakala kapalterbang cuma ada 2-3 buah sahaja kemudian kesemuanya "MAS". Kita tengok di lapangan terbang—MAS, MAS sahaja, tak ada kapalterbang lain daripada MAS. Kita mahu seberapa banyak kapalterbang-kapalterbang luar negeri datang ke negara kita ini untuk menambah kemajuan perjalanan pengangkutan negara kita, dan juga bagi pihak rakyat kita yang suka hendak pergi ke luar negeri akan lebih senang, umpamanya, usaha MAS hendak mengadakan penerbangan daripada Kuala Lumpur ke England yang akan singgah ke Kuwait dan ke Jeddah. Ini memberi satu galakan kepada mereka yang hendak pergi ke Mekah dengan menaiki kapalterbang singgah ke Jeddah dan terus ke England.

Usaha yang seumpama ini patut diperbanyakkan dan penerbangan-penerbangan yang lebih murah patut diusahakan, sebab hari ini sebagaimana kita maklum rakyat kita adalah digalakkan ke luar negeri. Jadi adakanlah penerbangan-penerbangan yang bayarannya murah. Umpamanya, penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, kalau kita naik waktu malam kita bayar cuma \$100 lebih sahaja, tetapi kalau kita naik penerbangan biasa kena \$200 lebih. Perkara ini yang patut diusahakan. Murahkan bayaran penerbangan, barulah rakyat kita dapat berjalan. Bila rakyat kita dapat berjalan, fikirannya terbuka. Bila fikirannya terbuka, kuranglah dia mengkritik Kerajaan. Mereka yang banyak mengkritik Kerajaan ini ialah daripada mereka yang kurang pengalaman, kurang pandangan di luar negeri.

Kalau kita bawa Ahli-ahli Parlimen ke luar negeri menegok di negeri-negeri jiran acap sedikit dengan penerbangan cara murah, maka mereka akan balik memuji Kerajaan bahawa negara kita lebih maju daripada Filipina, kita lebih maju daripada Indonesia, kita lebih baik daripada negara-negara jiran yang telah merdeka begitu lama. Inilah usaha yang patut dibuat oleh MAS kita supaya ada sistemnya. Kebanyakan orang berkata, MAS

ini "Mana Ada Sistem". Kita mahu adakan sistem itu; kita buatlah cara yang elok sedikit. Kita galakan penerbangan-penerbangan yang lebih murah, yang lebih banyak. Umpamanya, daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu. Hari ini, kalau saya hendak balik ke Kota Bharu, saya kena book seminggu lebih awal, kadang-kadang 10 hari lebih awal, tunggu di airpot untuk hendak balik dengan keadaan yang cepat.

Kenapa tidak dapat kita mengadakan penerbangan malam seumpamanya daripada Kuala Lumpur, sebagaimana kita katakan pergi ke Singapura ada penerbangan malam. Kalau ada penerbangan malam kita boleh dapat bayaran yang murah dan kalau kita terbang malam ke Kota Baharu sampai di Kota Bharu tidur sekejap sahaja, besok buat kerja, pagi besok boleh balik terus. Ini satu kemudahan bagi ahli perniagaan, bagi pelancong yang hendak kenal Kota Bharu. Kemudahan-kemudahan yang seumpama ini perlu, sungguhpun penerbangan yang dibuat daripada Kuala Lumpur ke Singapura umpamanya waktu malam, saya dengar khabar cukup susah hendak dapat. Kata sahaja ada penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Singapura, tetapi untuk mendapatkan tempat sangat-sangatlah susah. Mengikut apa yang saya dengar ada satu pakatan dengan SIA. MAS dengan SIA ini adakan pakatan, dia poolkan penerbangan itu. Cara mana dia buat poolnya, itu saya tidak tahu, tetapi susah hendak naik kapal-terbang malam yang murah pergi ke Singapura. Semua orang bersungut, kerana susah hendak dapat tempat daripada Kuala Lumpur ke Singapura pada waktu malam. Boleh jadi kerana ada sesuatu yang berlaku di dalam perkara ini yang kita tidak tahu; inipun patut disiasat, kenapa tempat itu susah hendak dapat. Inipun satu masalah juga yang patut kita mengambil tahu, sebab kita mahu rakyat berjalan dan kita mahu kemajuan penerbangan kita ini makin sehari makin bertambah. Itu maksud daripada pandangan saya kepada Menteri yang berkenaan dan saya haraplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan meneliti segala masalah yang saya sebutkan itu.

#### 4.12 ptg.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil peluang untuk menyokong Rang undang-undang yang dibentangkan sekejap tadi,

dan memberi sedikit pandangan ataupun mencurahkan sedikit perasaan hati berhubung dengan kemajuan penerbangan udara ataupun pengangkutan udara yang ada di tanahair kita pada hari ini.

Yang pertama sekali, saya suka hendak sebutkan di sini berhubung dengan keadaan pengangkutan udara. Kita semua memang ketahui kemajuan pengangkutan udara di tanahair kita ini adalah sangat pesat sekali, tambahan lagi setelah diadakan pemisahan syarikat penerbangan yang menimbulkan syarikat MAS dan SIA, sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi. Walaupun pada permulaan pemisahan itu pihak SIA lebih mendapat keuntungan ataupun faedah daripada pihak kita sendiri, tetapi memandangkan kepada laporan yang telah dikeluarkan tak berapa lama dahulu menunjukkan keuntungan yang kita dapat daripada perkhidmatan ini adalah sangat menggalakkan. Dan memanglah sudah sampai masanya dan sepatutnya pembaikan-pembaikan dalam perkara-perkara yang mengenai dengan perkhidmatan ini diperbaiki samada merupakan penambahan-penambahan penerbangan ataupun pembesaran-pembesaran lapangan-terbang-lapangan-terbang dan mengadakan lapangan-terbang-lapangan-terbang di mana-mana tempat yang belum ada yang difikirkan patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengetahui bahawa Lapangan-terbang Subang yang ada di Ibu negara kita ini adalah jauh daripada pusat bandar sendiri iaitu berbelas-belas batu jauhnya, maka saya rasa sudahlah sampai masanya pihak yang bersangkutan mengadakan beberapa lagi kemudahan-kemudahan untuk menggalakkan penumpang-penumpang melalui udara ini. Misalnya, sebagaimana tempat-tempat yang saya telah lihat di luar negeri setengah-setengahnya, kalau lapangan-terbang-lapangan-terbang itu jauh daripada bandar-bandar, maka diadakan stesyen-stesyen dalam bandar sendiri yang dipanggil air terminal dan syarikat penerbangan tempatan kepunyaan negara itu sendiri mengadakan perkhidmatan bas direct atau terus bersangkutan dengan penerbangan kapal-terbang tadi, iaini pihak penumpang-penumpang apabila sahaja sampai di lapangan-terbang terus menaiki bas yang dipunyai samada oleh syarikat penerbangan itu sendiri ataupun charter khas oleh

syarikat penerbangan itu membawa penumpang-penumpang ke bandar, iaitu ke pusat-pusat yang dipanggil air terminal tadi. Dengan jalan ini tambang-tambang yang dikenakan adalah selaras, tidak ada tinggi-rendah dan penumpang-penumpang tidaklah susah menunggu, kadang-kadang beberapa lama hendak sampai ke bandar samada ke tempat tumpangan ataupun balik ke tempat masing-masing, kerana kita memang mengetahui sekarang ini seperti di Lapangan-terbang Subang, kadang-kadang bila kita sampai di situ setelah turun daripada kapal-terbang terpaksa menunggu beberapa lama untuk mendapatkan kenaikan-kenaikan pergi ke bandar. Setengah-setengahnya barangkali kita juga masih tidak lupa, ada sungutan (complaint) daripada setengah-setengah penumpang yang tinggal di Petaling Jaya, misalnya, ataupun tempat-tempat lain yang tidak dapat kenaikan teksi kerana teksi itu tidak mahu menghantarnya, sebab jaraknya dekat atau atas masalah tambang dan sebagainya. Kita tidak tahulah. Kalau sekiranya pihak yang bersangkutan mengadakan bas-bas sendiri, sebagaimana yang saya katakan tadi tentulah kejadian-kejadian itu tidak akan berlaku dan boleh dielakkan, dan pihak penumpang juga tidak payah membayar tambang teksi yang lebih mahal daripada yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa menyebutkan sedikit berkenaan dengan lapangan-terbang yang ada di Negeri Trengganu. Mengikut penyiasatan saya dalam kira-kira tiga atau empat bulan yang pertama tahun ini dikira kemajuan penumpang-penumpang yang berulang-alik, local flights di seluruh Malaysia ini, Trengganulah yang paling tinggi sekali mendapat hasil ataupun yang sentiasa penuh, tidak cukup tempat, paling tinggi sekali di seluruh Malaysia ini. Trengganu yang paling banyak sekali penumpang dan di Negeri Trengganu yang selalu terjadi, kadang-kadang tergendala pihak-pihak pengguna yang mustahak hendak sampai cepat, misalnya, tidak dapat tempat dengan kapal-terbang-kapal-terbang yang berulang-alik ke Trengganu ini, dan sampai hari ini pihak kapal-terbang nampaknya belum mengambil apa-apa tindakan untuk mengatasinya. Masih lagi penerbangan-penerbangan itu, walaupun pada hari ini dikatakan ada hari-hari, tetapi yang sebenarnya penerbangan direct hanya tiga hari seminggu, yang tiga lagi adalah pener-

bangan, kata orang tumpang tui dari Kota Bharu. Dia direct daripada Kota Bharu, kemudian hala dia hendak balik ataupun hendak pergi singgahlah di Kuala Trengganu, yang bererti sudah lebih orang Kota Bharu, orang daripada sebelah sana tidak ada lagi hendak naik, tinggal beberapa tempat duduk (seat), bakinya itu sahaja yang dapat penumpang-penumpang daripada Trengganu ataupun penumpang-penumpang yang hendak ke Trengganu. Inilah yang menyebabkan kesukaran-kesukaran yang berlaku.

Saya berharap juga patut penerbangan di Trengganu ini disamakan dengan penerbangan ke Kota Baharu, iaitu hari-hari mesti adakan khas untuk Trengganu dan untuk Kota Baharu supaya selalu cukup bagi pengguna-pengguna daripada sana ataupun yang hendak ke sana.

Yang kedua, Trengganu ini masih lagi dianggap sebagai tempat yang nombor dua dalam apa juga perkara priority. Priority yang pertama diberikan kepada lain-lain tempat. Negeri Trengganu telah lepas peluang ini banyak sangat. Kalau saya sebutkan, diulang-ulangkan tidaklah patut. Sekarang saya tunjukkan, misalnya, telah beberapa lama Yang Berhormat Menteri Perhubungan membuat janji untuk memajukan Lapangan-terbang Trengganu, dan janji ini telahpun diakui oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri dalam masa lawatan beliau dahulu, yang dia akan memberi peruntukan untuk memajukan Lapangan-terbang di Kuala Trengganu ini supaya dapat kapal-terbang yang lain daripada Fokker-Friendship turun. Sekarang ini tidak boleh turun melainkan Fokker-Friendship. Tetapi daripada sebulan kesebulan hingga sampailah bertahun dan hingga sampai hendak habis Parlimen, hendak pilihanraya lain pula, masih belum dibuat lagi. Yang saya dengar baru-baru ini timbul berita arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya membesarkan Lapangan-terbang di Kuantan—Trengganu tinggal juga, tidak tahu bila. Tetapi apa boleh buat, orang Trengganu sudah terkenal dengan dia orang punya kebaikan, loyalty dan sebagainya, memang dia tidak lari, walau bagaimanapun sokong juga kerana harapkan faedah kemudian. Saya harap perkara-perkara ini, Menteri Perhubungan yang baru yang akan datang ini tolong mengambil perhatian yang utama sekali setelah

selesai pilihanraya iaitu melanjutkan lapangan terbang ini dan membesarkan officenya serta mengadakan kantinnya sekali.

Pernah kejadian beberapa kali penumpang-penumpang yang kadangkala oleh kerana MAS ini tidak begitu tepat dengan jadualnya—lewat, ada yang sampai satu jam dan ada kalanya dua jam kapalterbang tidak tiba, maka orang yang menjadi penumpang dan juga yang menghantarnya berlapur di situ, kerana tidak ada kantin di lapangan terbang itu. Bila kita kemukakan kepada Menteri yang berkenaan, sabar dan peruntukan telah ada, katanya. Jadi sabar punya sabar, itulah bertahun-tahun juga. Saya sudah mencadangkan kalau susah sangat pihak Syarikat Penerbangan ini hendak membinanya sendiri, berilah kepada pihak swasta, saya guarantee mereka akan boleh membina kantin ini. Tetapi tidak mahu juga diberi. Katanya, dia akan buat. Saya rasa barangkali Yang Berhormat Menteri kita ini memang sangat tidak bernasib baik, selalu apa yang dia pegang, kena marah, kerana tidak tepat. Saya harap perkara-perkara yang baik ini, insya Allah, dapat kita betulkan di masa yang akan datang.

4.23 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja. Di samping saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara, masalah penerbangan ini saya yakin semua ada masalah, dan saya sendiri sebagai seorang yang datang daripada Perlis, saya tidak minta supaya lapangan terbang dibuat di Perlis. Tetapi walau macam manapun kadang-kadang menjadi satu masalah yang besar bagi orang Perlis. . . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Bil kita ini mengenai carriage by air, kalau cerita lapangan terbang berapa panjang, mesyuarat kita tidak boleh habis. Ini bukan soal pembangunan. Saya minta ditumpukan kepada Bil ini, kalau tidak semua hendak bercakap mengenai pembangunan berhubung dengan lapangan terbang. Hal-hal ini boleh dibawa semasa Budget atau mesyuarat akan datang. Rang Undang-undang ini mengenai ganti apa jua tanggungan kalau kapal-terbang rosak dalam perjalanan. Dalam

membahaskan perkara ini, saya mintalah Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan Bil ini sahaja.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya minta maaf kepada Peguam Negara. Saya bukan bercakap mengenai pembangunan, disebabkan Datuk Mansor tadi ada menyentuh mengenai Lapangan terbang di Trengganu. Saya seboleh-bolehnya berharap di Alor Star walaupun bukan tempat saya sendiri, tetapi meliputi untuk semua kawasan Utara, yang saya tahu hari ini kalau sesiapa yang naik kapalterbang terpaksa turun di Pulau Pinang. Kalau hendak naik pukul 6.00 pagi atau pukul 10.00 malam terpaksa mengambil masa dalam tiga jam dan di Alor Star pun sebagaimana kata Datuk Mansor tadi boleh dikatakan sekali sekala, kalau tidak silap saya seminggu tiga kali. Saya berharap lebih sedikit penerbangannya kerana banyak pengguna-pengguna kapalterbang yang saya katakan tadi. Walaupun tidak tiap-tiap hari sebagaimana kapalterbang di Pulau Pinang, seboleh-bolehnya seminggu sekali, berilah peluang kepada orang di sebelah Utara tambang yang murah seperti mana yang diberi kepada Pulau Pinang pada tiap-tiap malam.

4.25 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada sekalian Ahli yang berucap berkenaan dengan Bil ini. Yang sebenarnya, kedua-dua Menteri yang berkenaan tidak ada dalam Dewan ini untuk menjawabnya, maka saya cubalah seberapa yang boleh untuk menjawabnya. Perkara ini saya beri jaminan bahawa telah dicatat dan dibawakan kepada Menteri Perhubungan yang akan datang, kalau sekiranya ada pilihanraya, kalau tidak sia-sialah ucapan Yang Berhormat itu dalam Dewan ini. Saya mintalah ucapan-ucapan mereka ini kita catitkan supaya pegawai-pegawai yang ada akan membawa perkara ini kepada Menteri, kalau sekiranya ada pilihanraya, kalau Menteri Perhubungan baru yang dilantik, barangkali ada perubahan yang lebih dikehendaki sebagaimana Ahli Yang Berhormat sungutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran daripada Yang Berhormat Datuk Mansor dan juga Yang Berhormat Tuan Shaari, semuanya itu saya faham kerana

saya selalu menggunakan kapal terbang pergi ke Alor Star, pergi ke Trengganu bagaimana susah kita hendak booking, kerana masanya tidak tetap tetapi sebagaimana kita maklum kapal terbang MAS yang berkhidmat di Malaysia ini ada dua tujuan: satu mengikut daripada segi ekonomi berapa kali pergi dan balik, dan keduanya kita berkehendakkan kepentingan negara, kepentingan rakyat. Kalau mengikut kepentingan rakyat hendak berkehendakkan banyak penerbangan tetapi ekonominya kurang, rugi pula, kata MAS, dan kalau hendak untung sahaja apa gunanya, kata rakyat jelata perkhidmatan MAS ini kepada rakyat. Kementerian sentiasa memikirkan the balance antara the economic needs of MAS dan juga kehendak rakyat. Di mana yang boleh kita akan jalankan kehendak-kehendak yang dikehendaki itu.

Bagi menjawab teguran Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin berkenaan dengan Konvensyen tadi, di sini sukalah saya menerangkan mengenai peruntukan yang ada di dalam Clause 7 itu ialah sememangnya telah ada dalam Undang-undang State bagi lima buah negeri yang akan kita masukkan. Kalau kita tengok dalam Article 29, Geneva Convention, rasanya Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa ini adalah satu syarat yang telah diadakan dalam Geneva Convention dan telah dipersetujui oleh semua negara termasuk Malaysia dan kita tidak boleh mengubahnya, melainkan kita tidak jadi member di dalam Konvensyen itu. It was already stipulated in the Warsaw Convention, tiap-tiap negeri adalah menjadi ahli dan telah mengiktiraf Konvensyen itu, tidak dapatlah kita ubahkan.

Berkenaan dengan *francs* itu ialah French *francs*. Selalunya perkataan *francs* itu ialah French *francs*. Tetapi kalau lain daripada French *francs* kita kata Swiss *francs*, the Belgium *francs*. Jadi itu French *francs*

Berkenaan dengan teguran Subang International Airport itu adalah diambil ingatan, khasnya untuk memperbaiki kerosakan yang ada. Masa ini sedang dijalan. Keduanya, cadangan daripada Datuk Mansor dan juga, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tentang mengadakan kenaikan daripada bandar ini ke Airport Terminal kita dan sebaliknya, sebagaimana dibuat di London dan di negara-negara yang besar. Sekiranya banyak difikirkan orang ramai hendak menggunakan bas atau kenaikan seperti itu, saya percaya perkara itu akan

ditimbangkan oleh MAS dan Kerajaan juga akan mengadakan kesenangan dan kemudahan bagi passenger daripada ibu negeri atau bandar Kuala Lumpur hingga ke Subang International Airport dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang telah ada perjanjian, kita telah initial tetapi belum di implement lagi antara Saudi Arabia dengan MAS yang telah dibuat dalam bulan Mei tahun 1974 yang mana membenarkan kita berhenti dua tempat, satu di Kuwait, ini bukan di Saudi Arabia, tetapi juga di Jeddah dalam perjalanan penerbangan kapal terbang kita daripada sini pergi ke London. Dan perkara itu apakala kita telah dapat persetujuan kedua-dua buah negeri akan berjalan. Jadi senanglah kalau ada orang-orang kita hendak menziarahi tanah suci itu untuk naik kapal terbang MAS yang bertolak dari sini ke London berhenti di Jeddah dan balik naik di Jeddah terus ke Malaysia dengan tambang yang murah. Selain daripada tambang yang ada ini, saya percaya, semua Ahli-ahli Yang Berhormat faham cheap excursion fare ini adalah berlainan daripada fare atau tambang yang biasa digunakan mengikut IATA dan lain-lain. Walau bagaimanapun, saya percaya MAS akan mengadakan cara-cara bagaimana akan datang sekiranya ramai ada pelancung-pelancung yang hendak keluar negeri, kita boleh sediakan, kata orang cheap excursion fare sampai ke Eropah, London dan ke Australia dan sebagainya.

Berkenaan cadangan penerbangan malam supaya dapat tambang lebih murah lagi, umpamanya, pergi ke Kota Bharu dan lain-lain tempat, itupun akan ditimbangkan oleh Kerajaan, sekiranya didapati ekonomik penerbangan semacam itu dan ada kapal terbang yang akan disediakan, sekiranya perlu.

Setakat itulah sahaja yang dapat saya terangkan mengenai Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 14* diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Ketiga* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Keempat* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PINDAAN)

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*4.55 ptg.*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Ordinan Pemegang Amanah, 1949. Perkataan "minor" dalam Ordinan adalah ditakrifkan sebagai seorang yang berumur kurang daripada 21 tahun. Memandang kepada Age of Majority Act, 1971 yang menurunkan umur seorang "minor" kepada 18 tahun, maka adalah difikirkan wajar supaya takrif ini diselaraskan dan di samping

itu akan memberi faedah kepada anak-anak wasi yang tidak lagi terpaksa menunggu sehingga berumur 21 tahun untuk mewarisi harta-harta amanah itu.

Seksyen 34 pula yang ada sekarang ini menegahkan wang yang dibayar untuk faedah mana-mana orang lebih separuh daripada bahagiannya yang dianggap (presumptive share) atau diletakhak (vested share) dalam harta amanah. Keadaan ini tidaklah memuaskan dan tidak memberi faedah sangat kepada sesiapa yang berhak di bawah amanah itu, tambah lagi memandangkan kepada nilai matawang sekarang ini yang berubah. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya seksyen 34 itu kita pinda sebagaimana tersebut dalam Undang-undang ini. Dengan pindaan ini, pemegang amanah diberikuasa membayar tidak lebih daripada \$10,000 atau sejumlah wang yang bersamaan dengan nilai separuh bahagian yang dianggap atau diletakhak dalam harta amanah itu mengikut mana yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul ini.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.00 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara. Pada pendapat saya sudah sampai apa yang dikatakan oleh Peguam Negara tadi amatlah perlu pindaan umur itu dibuat, kerana kalau kita kaji dari segi agama sekalipun, umur 15 tahun ke atas itu boleh dikatakan boleh memiliki satu-satu benda ataupun boleh menguasai ataupun boleh hidup dengan dirinya sendiri. Sebagai satu bakti dalam agama kita biasanya kita dapati orang-orang perempuan yang umurnya 16 ataupun kadang-kadang 14 tahun berkahwin. Jadi mustahil kalau mereka hendak mendirikan rumah tangga kalau akal mereka tidak cukup. Tetapi walau macammanapun saya tidak akan buat pindaan, sekadar yang dibuatkan oleh Peguam Negara tadi saya menyokong.

Di samping itu, pada mesyuarat Dewan yang lepas saya biasa bercakap wang ini patut diberi kepada Pemegang Amanah Raya ataupun kepada pihak yang berhak

menerimanya sebelum cukup umur. kalau didapati perlu, tetapi Peguam Negara menjawab, tidak boleh. Oleh sebab itu, saya tidak bangkitkan perkara itu pada hari ini. Tetapi saya berpendapat wang ini sebelum diberi kepada pihak yang patut mendapat ataupun kepada pihak yang berhak patutlah dilaburkan wang itu di mana-mana badan untuk mendapat keuntungan yang lebih. Peguam Negara akan menjawab bahawa wang itu tidak boleh kerana bila orang yang berhak ambil tentu kita terpaksa memberi wang tersebut. Tetapi kalau hendak dikaji, saya contohkan wang Tabung Haji, syarat Tabung Haji boleh dikatakan amat longgar, boleh diambil oleh penyimpan bukanlah dengan sebab untuk pergi ke Mekah, bahkan ada beberapa syarat lagi. Kalau kita fikir sepintas lalu tentulah payah bagi Kerajaan untuk melaburkan modal penyimpan Tabung Haji bila dia akan ambil wang tersebut, sedangkan wangnya sudah kita laburkan ke tempat lain. Saya percaya ikhtiar pihak Kerajaan atau ikhtiar Lembaga tersebut dapat menggunakan dari satu tempat ke satu tempat, apatah lagi yang mana kita tahu pihak yang berhak memegang dan yang berhak mendapat iaitu kita misalkan emak atau bapanya mati, ia sebagai warisnya terpaksa menggenapkan umurnya 18 tahun, kita tahu sekian bulan atau sekian tahun ia akan menerima wang tersebut sedangkan kita tidak tahu bila-bila masa dia akan sambung, kita boleh melaburkan inikan pula masanya kita tahu. Saya berpendapat patutlah wang itu kita laburkan dan mendapat keuntungan yang lebih.

Yang ketiga, saya misalkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (E.P.F). Dengan murah hati Kerajaan telah memberi, misalnya, seorang itu terpaksa dipotong gajinya \$15, Kerajaan tambah lagi \$15 menjadi \$30. Ini kalau dia mendapat kerja. Jadi kalau kepada yang berhak tadi tentulah dia kerap kali, seperti kita tahu Pemegang Amanah Raya ini yang berhak mendapatnya orang yang terkena itu ialah anak-anak yatim oleh kerana disebabkan ia dapat memegang hak tersebut bersabit dari kematian ibu ataupun bapanya. Jadi terpaksa ataupun tidak dapat yang berkenaan tadi ialah anak-anak yatim, dan kepada pekerja-pekerja yang ada kerja, kita dapat memberi ganjaran yang setengahnya. Jadi, pada pendapat saya patutlah Kerajaan juga memberi keuntungan

atau satu keistimewaan kepada pihak yang akan menerima wang amanah tadi disebabkan kematian ibu atau bapanya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Wang anak-anak yatim itu memang Pemegang Amanah Raya melaburkan dan yang lain-lain untuk mendapatkan keuntungan diberi wang pokok dan keuntungannya. Itu adalah bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasa 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada p.ndaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG KUTU (PENGESAHAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 *ptg.*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ucapan saya mengenai Rang Undang-undang ini sangat teknikal, izinkan saya kali ini berucap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr President Sir, I move that this Bill be read a second time.

Sir, kootu funds or chit funds as you all know, were first prohibited by the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 84/1971 promulgated by the Yang di-Pertuan Agong on 18th February, 1971. This law was later made permanent by Parliament on 30th April, 1971 through the Kootu Funds (Prohibition) Act, 1971. Although the Kootu Fund (Validation) Bill, 1972 was read for the first time in Parliament on 8th August, 1972 to consider the legalising of kootu fund

operations, the Bill was not taken through its subsequent stages, because the safeguards in the Bill were considered to be insufficient. As the law stands now, all kootu funds operated after 18th February, 1971 remain prohibited.

Now, Sir, kootu funds which were in operation on or before 18th February, 1971 have been required to be wound up. While in the process, a test case in the Kuala Lumpur High Court has held that the kootu fund operation is a money-lending transaction, and there being no licence granted under the Moneylenders Ordinance, the transaction was illegal and unenforceable. Liquidators appointed to wind up the kootu fund operation of companies found that they could not recover the money due to the chit debtors; neither could they pay the money due to the chit creditors. According to the figure available from four out of five chit fund companies undergoing liquidation, a sum of \$3,170,325.06 is due from 4,893 chit debtors, whereas a sum of \$1,555,785.12 is due to 1,459 chit creditors.

Sir, a large number of chit creditors are from the middle and the lower income groups. The Government will be failing in its duty if the interests of the chit creditors are not protected. Also, the chit debtors who had been successful in bidding for prize monies from their respective chit funds should not be permitted to unconscionably hold on to the prize monies they have used. For that purpose, the Bill before us now, Sir, is introduced in order to validate the kootu funds operated by companies now under liquidation and in order to enable the liquidators to recover the monies due from the chit debtors and to pay the monies due to the chit creditors.

Dengan ringkasnya saya terangkan di sini bilangan yang besar dari Undang-undang ini ialah terdiri dari golongan orang yang berpendapatan sederhana dan rendah, Kerajaan akan gagal dari kewajipannya jika kepentingan si piutang itu tidak dapat kita jaga. Begitu juga mereka yang berhutang yang telah berjaya dalam tawarannya bagi mendapatkan wang hadiah daripada Chit Fund masing-masing itu tidak sepatutnya dibiarkan menekmai seterusnya wang hadiah yang telah mereka gunakan itu dengan tidak membayar balik. Tujuan itulah maka Rang Undang-undang yang ada dihadapan Ahli-

ahli Yang Berhormat ini sekarang kita kemukakan untuk mengesahkan Kumpulan Wang Kutu yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang sekarang sedang dalam penggulungan supaya membolehkan penyelesaian-penyelesai mendapat kembali dari mereka yang berhutang dan membayar kepada si piutang.

Dengan sebab sebagaimana saya terangkan tadi, perkara itu telah dibicarakan di Mahkamah dan didapati perkara Kutu Fund ini ialah salah kerana disifatkan seperti juga termasuk di bawah Undang-undang Pinjam Meminjam Kewangan. Dengan itu terpaksa dibawa undang-undang ini bagi melindungi orang-orang yang patut mendapat pembahagian yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.08 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**  
Tuan Yang di-Pertua, setahu kita Kumpulan Syarikat Menjalankan Kutu ini pada mulanya dijalankan oleh syarikat yang berpunca daripada Singapura iaitu satu syarikat kutu di Singapura dan setahu saya telah membuka perniagaannya di Kuala Lumpur dan menjalankan perniagaannya di sini.

Sebagaimana yang kita telah ketahui orang yang menjalankan Kumpulan Kutu di Singapura telah dihukum dan hukuman itu sangatlah berat dan dalam penyiasatan di Singapura itu didapati orang yang menjalankan Kumpulan Wang Kutu di Singapura itu telah menggunakan atau menyalahgunakan wang yang dikutip daripada si peminjam itu dan sebahagian besarnya telah digunakan untuk perniagaannya sendiri ataupun dibawa lari ke tempat lain untuk disimpan sebagai hartanya sendiri.

Saya tidak mengikuti apa-apa perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah di Kuala Lumpur, tetapi saya yakin syarikat-syarikat di Kuala Lumpur ini pun sudah tentu ada menggunakan Wang Kumpulan Kutu yang dikutip daripada orang ramai itu untuk kegunaan mereka, dan kalau tidak salah dalam pengetahuan saya, mereka ini telah membukakan perniagaan dengan wang kutu itu dan itulah sebabnya barangkali mereka

tidak dapat menyelesaikan masalah pembayaran balik apabila syarikat-syarikat ini dikehendaki ditutup. Jadi adakah pihak Kerajaan kita mengambil tindakan di atas syarikat-syarikat ataupun tuan-tuan punya syarikat yang menjalankan perniagaan kutu di sini sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Singapura terhadap mereka yang menjalankan syarikat kutu di Singapura. Adalah tidak adil kiranya kita mengadakan satu undang-undang untuk melindungi peminjam dan yang memberi pinjaman, tetapi orang tengah yang menjalankan dan mengendalikan syarikat itu yang menggunakan sebahagian daripada wang itu untuk kepentingan ataupun untuk menjalankan perniagaan lain daripada kutu itu dibiarkan lepas begitu sahaja. Sepatutnya hendaklah dibuat satu perbicaraan khusus untuk mereka yang menjalankan kutu itu supaya hukuman-hukuman yang tertentu dikenakan kiranya didapati mereka itu bersalah iaitu dengan cara menyalahgunakan wang yang dikutip daripada orang ramai. Itulah sahaja yang saya suka hendak mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

5.15 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dalam negara kita Malaysia ini tidak ada orang-orang yang menyalahgunakan wang itu. Kalau ada mereka itu menyalahgunakan wang itu (breach of trust), maka saya percaya tentu siasatan akan dijalankan dan tindakan sewajarnya akan diambil kepada mereka itu. Walau bagaimanapun, saya akan bertanya kepada Kementerian yang berkenaan selepas daripada Dewan ini samada mereka yang menjalankan kutu fund ini ada menyalahgunakan kewangan dan kalau ada perkara-perkara jenayah yang dilakukan, kita akan mengambil tindakan. Tetapi yang sebenarnya kita ada cawangan daripada kutu fund yang berlaku di Singapura sana dan kita tidak tahu fund kita yang ada di Malaysia ini ditarik pergi ke Singapura untuk membayar hutangnya di Singapura, kita tahan benda itu sehingga lulusnya undang-undang ini supaya faedah wang yang kita tahan di sini dapat kita bayar dan memberi faedah kepada orang di Malaysia. Itu tujuan undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya mengambil ingatan di atas ucapan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan satu Undang-undang bagi meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 untuk mengadakan peruntukan bagi kelepasan cukai yang diperbaharui untuk syarikat-syarikat yang diluluskan di bawah Seksyen 12 (a) dan (B) Akta Galakan Pelaburan dan Sekim Elaun Ekspot yang baru dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya" iaitu secara ringkasnya dikenali sebagai "Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini pasti masih ingat lagi bahawa Kerajaan telah meluluskan Sekim Galakan Penempatan pada bulan Disember, 1972 sebagai salah satu langkah untuk menyebarkan industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini. Di bawah Sekim ini sesebuah syarikat yang ditempatkan di kawasan yang telah digezetkan sebagai kawasan Galakan Penempatan akan menikmati tempoh pengecualian cukai maksima hingga 10 tahun.

Di dalam melaksanakan Sekim Galakan Penempatan ini adalah didapati bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dan kelemahan-kelemahan ini boleh pula diperbaiki untuk menjadi Sekim ini lebih menarik

dan berkesan menyebarkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini. Di dalam mengemukakan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini konsep dan bidang asal Sekim ini tidaklah diubah tetapi yang dipinda hanyalah asas-asas untuk menentukan tempoh pengecualian cukai agar ianya dihubungkan dengan asas-asas yang telah digunakan di dalam Akta ini iaitu dengan menggunakan asas pelaburan, gunatenaga, pengeluaran barang-barang yang diutamakan dan penggunaan bahan-bahan mentah seperti yang lazim digunakan di dalam mengurniakan Galakan Taraf Perintis dan Galakan Menggunakan Buruh kepada syarikat-syarikat. Berdasarkan kepada asas-asas yang baru ini sesebuah kilang yang diberikan Galakan Penempatan akan dikecualikan dari membayar cukai untuk tempoh minima selama 5 tahun dan selanjutnya ia berhak untuk mendapatkan lanjutan-lanjutan jika ada, berdasarkan asas yang saya sebutkan di atas tadi. Tempoh maksima pengecualian cukai ini ialah 10 tahun. Perkara-perkara detail mengenai Sekim ini adalah dijelaskan di dalam Seksyen 6 Rang Undang-undang ini. Pindaan pindaan yang dicadangkan ini akan membawa faedah-faedah baru dalam mana ianya akan menentukan agar projek-projek yang pada lazimnya tidak layak menerima apa-apa galakan akan diberikan galakan ini sekiranya mereka ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah digazetkan sebagai Kawasan Galakan Penempatan. Selanjutnya pindaan-pindaan ini akan menghapuskan segala keraguan dan kemuskilan yang akan dihadapi di dalam melaksanakan Sekim Galakan Penempatan ini.

Adalah juga dicadangkan di dalam Seksyen 7 Rang Undang-undang ini untuk meluaskan perbekalan Seksyen 14 (2) di dalam Akta Galakan Pelaburan untuk meliputi syarikat-syarikat yang telah diberikan Galakan Penggunaan Buruh. Pada masa ini syarikat-syarikat yang diberikan Galakan Penggunaan Buruh adalah tidak layak untuk mendapatkan lanjutan 3 tahun tempoh pengecualian cukai seperti yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat taraf perintis sekiranya syarikat-syarikat tersebut telah memenuhi syarat-syarat penempatan di kawasan-kawasan yang kurang maju, pengeluaran barang-barang yang diutamakan dan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan seperti yang telah ditetapkan, walaupun

Galakan Penggunaan Buruh itu adalah semata-mata ganjaran kepada taraf perintis. Oleh hal yang demikian adalah difikirkan adil jika ketidak-seimbangan ini diperbetulkan agar syarikat-syarikat yang mendapat Galakan Penggunaan Buruh diberikan hak melanjutkan tempoh pengecualian cukai mereka seperti syarikat-syarikat taraf perintis. Ini adalah disebabkan kerana Galakan Penggunaan Buruh ini adalah merupakan ciri yang penting dalam Polisi Perindustrian yang dijalankan oleh Kerajaan kita sekarang.

Seksyen 11 Rang Undang-undang ini adalah mengandungi Sekim Galakan Ekspot yang telah dibentuk selepas mengadakan perbincangan dengan sektor swasta. Sekim Galakan Ekspot ini telah diistiharkan buat pertama kalinya di dalam Ucapan Anggaran Belanjawan 1973 dan cara-cara bagaimana Sekim ini dijalankan adalah dijelaskan di dalam Seksyen 11 Undang-undang di hadapan kita ini.

Secara ringkasnya Sekim Galakan Ekspot ini adalah bertujuan untuk memberikan Elaun Ekspot kepada pengeksport-pengeksport berdasarkan kepada jumlah eksport pada tahun-tahun yang lalu. Elaun Ekspot sebanyak 5 sen adalah diberikan kepada tiap-tiap tambahan \$1 di dalam jualan eksport (di luar kilang) dan tambahan tersebut adalah merupakan lebihan daripada jumlah jualan eksport (di luar kilang) pada tahun asas jika dibandingkan dengan jualan eksport purata (di luar kilang) sejak 5 tahun yang terdahulu. Sekiranya terdapat pengeluaran-pengeluaran yang menggunakan tidak kurang daripada 50% (dari nilai) bahan-bahan dan komponen-komponan tempatan maka Elaun Ekspot yang diberikan ialah sebanyak 8 sen untuk tiap-tiap tambahan \$1. Ini adalah bertujuan untuk menggalakan lagi pengeluaran-pengeluaran untuk menggunakan bahan-bahan tempatan di negeri kita ini. Di samping pindaan-pindaan yang di atas adalah juga dicadangkan agar defenasi syarikat taraf perintis itu dipinda. Pada masa ini taraf perintis sesebuah syarikat itu tidak ada akhirnya, walaupun tempoh pengecualian cukai untuk syarikat tersebut sudah habis. Kelemahan ini telah menyebabkan syarikat-syarikat bekas taraf perintis itu tidak dapat menikmati Sekim Elaun Ekspot dan oleh hal yang demikian adalah perlu agar kelemahan ini diperbaiki.

Lain-lain pindaan di dalam Rang Undang-undang ini adalah ekoran daripada pindaan-pindaan yang disebutkan terlebih dahulu (consequential amendment).

Sukacita juga saya mengambil peluang di sini untuk menekankan bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah menunjukkan keazaman Kerajaan kita untuk membantu sektor swasta di dalam proses perindustrian di negara ini iaitu suatu daripada proses yang amat penting yang Kerajaan berazam hendak menjayakannya untuk kepentingan rakyat jelata keseluruhannya. Dalam pada itu Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan lebih berkesan lagi di dalam sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.30 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuat Rang Undang-undang ini, kerana saya datang daripada negeri yang mundur iaitu Negeri Kelantan.

Pantai Timur kita sifatkan negeri yang jauh daripada pelabuhan, jauh daripada Lapanganterbang Antarabangsa dan jauh daripada hubungan-hubungan dunia luar. Kalau dikirakan kemajuan yang hendak dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam bahagian industri ini, maka perlulah dibuat satu perubahan yang besar ataupun dijalankan satu usaha yang luar biasa supaya negeri-negeri yang seumpama itu akan menikmati hasil daripada pindaan undang-undang yang seumpama ini.

Bagaimana kita sedia maklum Negeri Kelantan telah lama menunggu-nunggu pelaburan-pelaburan asing datang membuka kilang-kilang di Negeri Kelantan ataupun Negeri Trengganu, tetapi sehingga hari ini belum timbul satu-satu kilang yang besar seperti kilang letronik atau kilang-kilang yang seumpama itu di Kelantan. Ini adalah

disebabkan kerana berbagai-bagai kekurangan daripada usaha galakan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kekurangan galakan ini ada kaitannya dengan Kerajaan Negeri dan juga ada kaitannya dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) yang mana mempunyai kuatkuasanya sendiri, yang menjalankan mengikut dasar-dasarnya bersendirian, mengikut kemahuan pentadbirnya yang boleh menahan daripada galakan yang kita cuba usahakan pada hari ini.

Masalah yang besar bagi satu-satu syarikat untuk membuka kilang-kilang yang besar ialah masalah tanah. Tanah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan tanah adalah satu masalah yang penting, yang misti diselesaikan sekiranya negeri-negeri di Pantai Timur berkehendakkan kepada pelaburan-pelaburan yang besar, tetapi kalau sekiranya masalah tanah tidak dapat diselesaikan, saya khuatir walaupun kita beri kemudahan, kita beri pengecualian cukai sehingga berbelas-belas tahun, lebih daripada 10 tahun yang kita buat pada hari ini-pun, mereka tidak akan dapat pergi ke Negeri Kelantan kerana masalah tanah. Saya rasa telahpun d. buat keputusan dan dipersetujukan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berkenaan dengan satu kawasan yang dikatakan satu kawasan perusahaan yang dicadangkan di Kelantan, tetapi sehingga hari ini masalah tanah belum dapat diselesaikan. Tanah belum dikeluarkan daripada Malay Reservation ataupun Simpanan bagi orang-orang Melayu dan belum lagi dipecahkan ataupun digazetkan sebagai kawasan industri yang boleh diberi pajakan ataupun diberi milik kepada industri-industri yang hendak membuka kilang-kilangnya di Negeri Kelantan.

Masalah tanah adalah masalah yang besar yang misti diselesaikan. Kalau sekiranya selepas pilihanraya ini masalah tanah itu tidak dapat diselesaikan juga, maka pilihanraya sekali lagipun tidak dapat diselesaikan. Saya rasa kalau sekarang kita sudah banyak kerja pilihanraya, tidak dapat diselesaikan kerja ini, saya rasa perlu bagi Kerajaan yang baharu, yang akan dilantik, dipilih oleh rakyat kelak akan menyelesaikan masalah perindustrian yang dicadangkan di Kelantan ini.

Saya suka hendak terangkan di sini mengenai kerja-kerja FIDA. Jawatankuasa FIDA yang menimbangkan permohonan-permohonan daripada pihak swasta untuk

membuka kilang ataupun mendapatkan pengecualian cukai dan sebagainya. Pada faham saya, pada masa ini Jawatankuasa FIDA ini menimbang dan cara menimbang-permohonan-permohonan yang datang ke FIDA mahupun dar.pada bumiputra ataupun bukan bumiputra adalah satu sahaja caranya, peraturannya, cara pertimbangan dan sistem kaedah menimbang. Kesemuanya ditimbangkan sama sebagaimana yang ditimbangkan bagi orang yang bukan bumiputra tidak ada perubahan.

Saya rasa perlu susunan baharu dibuat dan arahan-arahan yang baharu patut dibuat kepada Jawatankuasa FIDA yang menimbang-permohonan-permohonan daripada bumiputra itu supaya diberi satu pertimbangan khas, supaya dapat bumiputra menceburkan diri dalam perusahaan perkilangan ini dengan keadaan yang lebih mudah, dengan kemudahan-kemudahan yang lebih supaya jumlah bumiputra yang mendapat kebenaran ataupun kemudahan ini bertambah dengan banyaknya. Pada masa ini, saya faham Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meletakkan satu kadar peratus permodalan yang dikatakan kalau sekiranya satu syarikat hendak membuka kilang di Malaysia ini, maka 30% hendaklah dimodali oleh bumiputra dan 30% sahaja dihadkan kepada modal luar negeri dengan cara joint venture dan 40% d.buka kepada orang ramai. Mengikut apa yang saya faham, kalau sekiranya bumiputra hendak adakan joint-venture, katalah dengan orang yang bukan bumiputra di Malaysia ini yang berkehendakkan kepada kemudahan-kemudahan daripada FIDA, sekiranya modal bumiputra itu lebih 51% daripada modal bukan bumiputra, tetapi pertimbangan untuk memberi kelulusan, pengecualian cukai dan sebagainya itu adalah sama cara dan kedahannya, tidak ada beza. Kalau sekiranya ada kekurangan syarat dan sebagainya, maka permohonan itu tidak diluluskan juga. Saya faham ada beberapa buah syarikat bumiputra yang memodali syarikat itu pernah juga ditolak oleh FIDA. Ini patutlah dipertimbangkan satu cara kaedah yang lebih mudah untuk bumiputra, satu kaedah yang tidak semestinya bumiputra itu melalui syarat-syarat bagaimana orang lain mesti lalui supaya syarikat bumiputra itu mendapat kemudahan yang istimewa sebagai satu kaum yang baharu hendak menceburkan diri dalam bahagian bidang perkilangan ini.

Sungguhpun saya tahu perkara ini duduknya di bawah Kementerian Kewangan yang berkuasa dapat memberi kelulusan dengan tidak misti mengikut keputusan daripada FIDA, tetapi pada saya kalau sekiranya peraturan-peraturan lama itu dipakai dan mesti Menteri itu overule keputusan-keputusan FIDA itu adalah satu kaedah yang kurang manis, Menteri itu tidak sentiasa mesti mengambil keputusan-keputusan yang berlawanan dengan keputusan-keputusan yang d.buat oleh FIDA. Untuk memberi pertimbangan kepada Menteri, untuk menjaga nama baik Menteri dalam menjalankan tugas, saya rasa susunan dan kaedah FIDA itu patut diperbaiki. Inilah yang saya nampak mustahak dipertimbangkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya tidak hendak bercakap panjang dalam masalah ini, tetapi saya rasa perlu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menimbang, umpamanya, bagi pihak bumiputra ini bila Kerajaan menetapkan modal luar dihadkan setakat 30% sahaja, maka modal bumiputra atau modal dalam negeri 70%. Ini satu masalah yang berat bagi bumiputra, kerana bumiputra hendak mengeluarkan modal 70% bagi satu-satu venture, satu-satu perniagaan. Ini adalah satu masalah yang besar bagi bumiputra. Kalau sekiranya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh menimbangkan satu cara dan kaedah yang baharu, yang boleh menggalakkan bumiputra berhubung dengan modal luar dengan membuka kilang dengan mendapatkan bantuan modal asas daripada luar negeri umpamanya, ini satu kaedah yang baik. Kalau sekiranya modal luar negeri dibawa di sini joint venture dengan bumiputra, katakanlah 50 peratus, dalam satu masa bumiputra akan mengambil alih modal yang dibawa masuk oleh orang yang bukan bumiputra. Saya rasa itu adalah baik bagi bumiputra untuk hendak mengadakan kilang-kilang yang besar di dalam negeri ini.

Setahu saya kita telah mengadakan Bank Pembangunan Malaysia untuk menolong bumiputra menceburkan diri dalam perusahaan dan perindustrian, tetapi tentulah bank ini terpaksa mengadakan modal yang banyak untuk dijadikan modal asas kepada bumiputra dalam menubuhkan sesebuah syarikat joint venture dengan orang-orang luar negeri. Kalau sekiranya dibenarkan mereka daripada luar negeri, pemodal luar negeri—pelabur luar negeri membawa masuk

modalnya dan memberi pinjam kepada bumiputra dengan cara satu jangka masa yang tertentu ataupun satu cara peraturan yang tertentu, saya rasa banyak mereka yang datang daripada luar negeri akan terus berhubung dengan bumiputra untuk membuka kilang-kilang dengan tidak payah bumiputra ini membuka sahamnya ataupun menarik pemodal yang bukan bumiputra menjadi pemegang saham dalam syarikat yang sama, umpamanya, bumiputra terus dengan pelabur luar negeri sahaja. Sebab apa yang kita tahu orang bumiputra ini lambat sedikit masuk, jadi mula-mula Kerajaan buka peluang pioneer status, kemudahan cukai dan apa-apa hal lagi kesemuanya dibolot oleh orang yang bukan bumiputra, kerana orang yang bukan bumiputra pada masa mula-mulanya Kerajaan menggalakkan perkilangan di Malaysia ini, mereka ini mempunyai hubungan dengan orang-orang daripada luar negeri, bumiputra tidak ada hubungan, jadi bumiputra ini terlambat, duduk di belakang.

Apabila sudah sampai satu masa Kerajaan dapati sudah 60 peratus modal luar berada dalam negeri kita, maka Kerajaan boleh menyekatkan modal luar itu jangan lebih daripada apa yang ada, dan kalau boleh hendak dikurangkan. Dalam saat itu orang bumiputra baru hendak masuk, baru hendak menceburkan diri dalam perkilangan, baru hendak adakan joint venture dengan mereka di luar negeri. Tetapi pada saat itu juga Kerajaan telah cuba hendak mengurangkan modal luar negeri supaya jangan melebihi apa yang ada bahkan dikurangkan. Pada masa itu juga nasib tidak baik bumiputra ini baru celik mata, baru cuba hendak buat joint venture.

Saya rasa bagi bumiputra yang ada minat dalam perusahaan perkilangan dan sebagainya, ini sudah jadi satu kelemahan, satu peluang yang kosong bagi mereka untuk mengambil bahagian itu.

Itulah sebabnya saya rasa ada baiknya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini menimbang balik, bagaimana caranya dalam menjalankan dasar 30:30:40 peratus untuk joint venture dengan luar negeri ini untuk bumiputra diberi satu pertimbangan khas supaya dapat bumiputra ini bersama-sama dengan pelabur asing daripada luar negeri, masih boleh jalan lagi walaupun hak dan peraturan itu dibuat bagi mereka yang

telah maju, tetapi bagi orang bumiputra yang tidak maju ini, diberi satu galakan yang istimewa untuk mendapatkan bumiputra ini secara terus berhubung dengan pelabur luar negeri membina kilang-kilang yang masih ada.

Sebagaimana kita sedia maklum peluang untuk membina kilang dalam negeri kita ini sudah semakin hari semakin sempit, makin sehari semakin kurang, sebab pertandingannya itu semakin hari semakin hebat. Kita bercakap fasal kilang letronik, kilang plywood, kilang yang besar-besar, tetapi bumiputra kita ini bercakap sahaja dan kita boleh beli saham berharga \$1 dan kita tunggu hendak jual naik jadi \$2, itu sahaja peluang, tetapi bagi bumiputra yang hendak menjalankan kilang itu bersama-sama dengan pelabur luar negeri, saya rasa sangat-sangat sempit, melainkan kita berharap cuma kepada perbadanan-perbadanan sahaja. Jadi harapan kita ialah kepada perbadanan sahaja untuk mengambil peluang-peluang yang ada itu.

Saya rasa pertimbangan yang lebih lanjut patutlah diperbuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam masa-masa yang saya sebutkan tadi.

5.45 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong kuat Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara yang disokong oleh Datuk Nik Hassan tadi. Saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan memajukan rakyat bumiputra khasnya sebagaimana kata Peguam Negara tadi dengan adanya Rang Undang-undang ini akan membanyakkan industri-industri kepada tempat yang kurang maju. Izinkanlah saya menyatakan kalau tidak silap tempat yang kurang maju itu dalam negara kita ini kebanyakannya daripada kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ibaratkan industri ataupun kilang-kilang ini kepada manusia, tidak ubahlah sebagaimana bunga dengan kumbang. Di mana ada bunga, jarang tidak dikerumuni oleh kumbang, itu sudah adat alam. Begitu juga kilang-kilang dan industri-industri, kerana manusia-manusia berkehendakkan kepada cari makan, di mana sahaja tempat dia boleh tumpang cari makan, dia terpaksa pergi walau di

mana sahaja. Maka dengan adanya rancangan yang Kerajaan jalankan ini akan menambahkan beberapa kemajuan kepada negara dan kepada rakyat luar bandar. Sebabnya saya kata begitu, kita tengok pada masa yang lepas kalau ada satu-satu industri dibuat di bandar-bandar dan di tempat-tempat yang telah maju; tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini, ianya memberi peluang yang baik kepada rakyat. Saya berharap juga seboleh-bolehnya sebagaimana kata Peguam Negara tadi, kita akan cari juga bahan-bahan. Saya syorkan di sini satu bahan daripada luar bandar sebelah utara Malaysia, yang tidak payah dicari bahkan kalaulah bahan itu dapat dijadikan kilang semacam kilang kertas iaitu jerami padi.

Saya masih ingat lagi bekas Senator kita Allahyarham Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin, pada satu malam beliau bersama-sama saya dalam keretapi, kalau tidak silap Wan Sulaiman bin Wan Tam pun ada, tetapi dia di bilik lain pada malam itu. Dia bawa satu buku besar. Saya bertanya apa buku Yang Berhormat pegang itu? Katanya, inilah kertas kerja saya hendak buat kilang kertas, kerana mengikut perangkaannya kertas dipakai dalam Malaysia ini amat banyak. Kita tidak nafikan perkara itu. Jerami padi amat banyak di sebelah utara Malaysia khususnya Kedah dan Perlis. Kalau kita dapat buat, kata Allahyarham Tuan Mohd. Hanipah, ini akan menguntungkan dua tiga segi, untung kepada Kerajaan kerana mengekspot keluar negeri dan untung kepada rakyat kerana jual jerami dan boleh pula manusia mencari makan dalam dua tiga segi. Saya bersyukur kepada Tuhan atas rancangan Allahyarham itu, tetapi malangnya Allahyarham itu telah sampai ajalnya. Saya berpendapat cadangan yang seperti ini patut diambil oleh Kerajaan dan kalau ada buku itu di rumahnya patutlah disiasat, seboleh-bolehnya oleh Yang Berhormat Senator Wan Sulaiman ataupun Senator Dr Mahathir. Ini suatu rancangan yang amat baik, agak saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada industri. Kerajaan telah memberi galakan kepada pelabur-pelabur modal untuk menanam modal di Malaysia samada di bandar ataupun di luar bandar dengan mengecualikan cukai dan sebagainya. Kita percaya satu-satu industri yang dapat mengeluarkan hasil itu memerlukan wang ringgit,

tenaga manusia dan berbagai-bagai lagi. Kalau tidak dicampur dari segenap segi tentulah tidak mendapat hasil. Kita tidak nafikan kepada rakyat bumiputra modal suatu masaalah yang besar, tetapi mereka juga tidak patut menafikan masaalah buruh adalah satu masaalah yang paling mustahak. Dengan sebab itu, saya merayu kalau ada rancangan pihak pelabur-pelabur modal ataupun lebih tepatnya yang mendirikan kilang-kilang ini jangan memberi gaji yang terlampau murah kepada bumiputra. Ini saya merayu supaya mereka itu insaf dengan peluang yang diberikan oleh Kerajaan itu hendaklah menolong bumiputra dan rakyat yang susah, lebih tepatnya kepada kebanyakan kaum bumiputra.

Saya juga menyokong di atas cadangan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan disamping saya mengesyorkan kalaulah saham-saham yang diperuntukan kepada bumiputra tadi, hendaklah Kerajaan belikan dahulu, ambil-alih sebagaimana saya biasa dengar pensyarah-pensyarah daripada Tabung Haji, menyatakan Tabung Haji telah beli saham perkapalan dan sebagainya. Kata pensyarah Tabung Haji, tahukah tuan-tuan yang mana yang dikatakan wang Tabung Haji? Wang tuan-tuan tiap-tiap satu ringgit itu kami belikan saham Tabung Haji. Ini bermakna wang tuan-tuan. Saya berpendapat perkara ini tak salah, baik mana-mana badan Kerajaan ataupun mana-mana badan membelikan dahulu saham-saham untuk bumiputra, kemudian dijual kepada mereka sebagaimana dijual saham MARA dan sebagainya. Maka dengan cara ini, baharu boleh rakyat bumiputra mendapatkan saham. Kalau tidak, golongan bumiputra yang dapat membeli saham itu terlampau sedikit.

5.53 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memberikan ucapannya tadi.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan membangkitkan soal tanah. Perkara itu memang kita tahu. Perkara tanah ini adalah satu perkara yang rumit khususnya di Kelantan boleh dikatakan 90% daripada tanah itu Malay Reserve. Saya sedar Kerajaan Pusat telah berunding dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan satu kawasan bagi perindustrian dekat Kota Bharu supaya

dapat kilang-kilang lain mengadakan kilang di sana, dan kelambatan itu, saya fikir dalam pen.adbiran. Kalau hendak kira Kerajaan telah acquire, misalnya, tanah kawasan Malay Reserve untuk peindustrian dan dikeluarkan daripada Malay Reserve. Perkara ini, saya t.dak nampak apa kerumitannya. Walau bagaimanapun, kita akan siasat perkara itu dan kalau lambat juga, kita akan berhubung dengan pihak yang berkenaan supaya dilekaskan, kerana mustahil dapat kita lakukan segala cita-cita Kerajaan memberi peluang pada rakyat jelata, khasnya di Pantai Timur, negeri-negeri yang kurang maju kalau kawasan perindustrian itu belum dapat disediakan dengan segera, dan kalau boleh dapat harga tanah itu murah sedikit daripada yang lain. Itu punca segala-galanya. Saya mengambil ingatan atas teguran Datuk Nik Hassan.

Tentang teguran mengenai FIDA, saya suka menerangkan di sini sebagaimana kita ketahui FIDA tidak berhak meluluskan apa-apa permohonan berkenaan dengan perniagaan ataupun hendak mendirikan kilang atau perniagaan yang besar-besar untuk tanaman modal. Kerja FIDA ini ialah menerima segala projek-projek permohonan untuk diproses dan dibuat feasibility study. Kemudian disemak oleh pegawai-pegawai expert dalam FIDA itu untuk membantu mereka yang memohon itu supaya diperbetulkan mana yang kekurangan supaya siap diproses, dapat disediakan dan ditengok perniagaan itu boleh membawa keuntungan kepada mereka yang memohon itu atau feasible dari segi keuntungan. Maka barulah segala memorandum permohonan itu dikemukakan kepada Committee yang tertentu yang mengandungi perwakilan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Kewangan, Income Tax, Kastam dan lain-lain Committee dan selepas itu barulah ditimbangkan samada hendak diluluskan permohonan itu atau tidak. Sekiranya perkara itu ada berkaitan dengan pioneer status ataupun pelepasan cukai-cukai yang lain, maka hendaklah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Segala permohonan itu akan ditimbangkan dengan kesedaran Kerajaan kita di bawah New Economic Policy bagaimana caranya hendak memberi peluang kepada bumiputra untuk mengambil bahagian dalam perindustrian. Kita sedar tentang polisi Kerajaan hendak memberi 30% kepada bumiputra.

Kalaulah diluluskan semua permohonan pembangunan indastri atau segala projek dengan tak ada bahagian bumiputra, maka makin lama makin kurang bukan hendak menambahkan 30%. Ini Kerajaan sedar. Kerajaan sedar bagaimana orang Melayu kita yang kebanyakannya, saya tak kata mustahil boleh mengeluarkan modal, misalnya 30% kalau berkehendakan \$3 juta modal bagi mendirikan suatu kilang bagaimanalah satu famili (4-5 orang) Melayu kita hendak berkongsi mengadakan modal \$1 juta. Saya sedar tentang kesusahan orang Melayu, tetapi walau bagaimanapun kita sedia maklum, kalau projek itu feasible dan kurang modal sekalipun boleh berhubung terus dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Itu tujuan kita. Kalau tak boleh, berjumpalah dengan Menteri atau pegawai-pegawai. Kalau tidak, tak ada guna cadangan yang dikatakan hendak memberi peluang 30% kepada bumiputra. Ada cara-caranya. Satu daripadanya walaupun modal orang Melayu tak cukup sebagaimana yang dikehendaki, boleh jadi syarat luar itu dikehendaki mendahulukan modal itu atau menyediakan modal dan memperuntukkan bahagian orang Melayu 30% atau lebih supaya disimpan dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bagaimana kita sedar pada hari ini sampai \$200 juta lebih saham yang ada belum diambil oleh orang Melayu. Itu caranya. Kalau orang Melayu boleh mengadakan 15% sahaja modalnya, tetapi kalau dapat persetujuan Kementerian yang berkenaan dan syarat luar negeri itu sanggup mendahulukan modal 20% lagi supaya dapat 30% atau 35% bagi orang Melayu kita, maka dia boleh mendahulukan dan ada dibuat perjanjian dengan Kementerian yang berkenaan supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian meminta saham itu untuk satu masa kelak bila orang Melayu ada modal maka nama-nama yang berkehendakkan membeli saham, hendaklah memberikan namanya yang disenaraikan atau disimpan dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Syarikat orang-orang Melayu sepatutnya bersedia beramai-ramai untuk mengadakan syarikat permodalan dan beri tempahan, beri nama syarikat itu atau nama perseorangan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mereka akan memberi peluang kepada kita yang difikirkan mana dia syarikat yang boleh membawa keuntungan yang patut diberi kepada orang Melayu. Perkara ini susah. Kalau dicebor kadang-kadang jual tanah,

jual rumah orang, kita masuk tiga-empat tahun, hilang ghaib. Apa akan jadi? Inilah perkara yang kita hendak lindungi orang kita dan saya sedar dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih atas teguran yang dibangkitkan itu dan kita berharap perkara ini akan dapat kita betulkan, apakala undang-undang ini diluluskan kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 15* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan Bank Simpanan Nasional bagi mengambil-alih tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos yang ada sekarang ini ditubuhkan di bawah Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 23hb April tahun ini satu pengistiharan telah dibuat bahawa sebuah perbadanan baru akan ditubuhkan untuk menyimpan wang. Dengan penubuhan Bank Simpanan Nasional ini kelak dan Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 akan kita mansuhkan.

Mengikut Ordinan sekarang ini, Bank Simpanan Pejabat Pos (B.S.P.P.) diuruskan sebagai sebahagian daripada Jabatan Perkhidmatan Pos dan terletak di bawah bidangkuasa dua Kementerian. Aspek kewangannya, seperti kadar faedah dan dasar pelaburan adalah di bawah Kementerian Kewangan, sedangkan soal-soal pentadbiran adalah diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang terletak di bawah Kementerian Perhubungan. Perjalanan kerja-kerja haruan B.S.P.P. adalah menjadi tanggungjawab Pengawal Bank Simpanan Pejabat Pos yang tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah Pos.

Tujuan utama Bank Simpanan Pejabat Pos ialah untuk mengadakan kemudahan menyimpan wang kepada penyimpan-penyimpan kecil samada di kawasan bandar ataupun desa. Tugas-tugas ini telahpun dijalankan oleh Bank Simpanan Pejabat Pos dengan cemerlang. Bank Simpanan Pejabat Pos telah mengadakan satu sistem simpanan wang yang murah, mudah dan cepat. B.S.P.P. telah beberapa kali menaikkan kadar faedahnya terlebih awal dari bank-bank swasta. Semuanya ini telah dijalankan dengan perbelanjaan urusan yang rendah.

Walaupun bagaimanapun keadaan sekarang telah bertukar. Bank Simpanan Pejabat Pos sekarang ada lebih 2 juta penyimpan. Kerajaan telah mengambil keputusan memulakan kempen diseluruh negeri di kawasan desa dan bandar untuk menyimpan wang. Keputusan juga telah dibuat supaya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan oleh Bank Simpanan Pejabat Pos diperbaiki dan diluluskan bidangnya. Untuk berbuat demikian, susunan organisasi Bank Simpanan Pejabat Pos sekarang terpaksa ditukar. Kerana itu, Bank Simpanan Nasional akan kita tubuhkan untuk mengambil alih tugas-tugas dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos tersebut. Bank Simpanan Nasional yang dicadangkan ini adalah badan berkanun yang otonomous dan tidak lagi satu jabatan di bawah jajaan Pihak Berkuasa Pos. Walau bagaimanapun ia akan meneruskan perhubungan dengan Jabatan Pos supaya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan akan dapat dinikmati oleh semua rakyat. Bank Simpanan Nasional ini akan mempunyai Lembaganya sendiri dan bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Dengan tujuan-tujuan tersebut dan dengan mempunyai Lembaganya sendiri, Bank Simpanan Nasional dijangka akan menjadi sebuah institusi kewangan yang lebih cergas dan maju daripada Bank Simpanan Pejabat Pos yang akan digantikannya, dan akan dapat memenuhi kepentingan-kepentingan rakyat khususnya dan negara amnya dengan lebih berkesan lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.07 ptg.

**Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang cuma hendak bertanya kepada pihak Kementerian yang berkenaan iaitu saya takut tersilap faham dari Undang-undang ini, sebab nama bank yang baru ini disebutkan di sini Bank Simpanan Nasional. Kalau tidak salah saya Bank Simpanan Nasional bermakna sudah menjadi BSN. BSN ini saya takut terkeluar dengan Biro Siasatan Negara iaitu sebuah badan pencegah rasuah. BSN juga. Apa yang saya bimbang apabila kita luluskan Undang-undang ini, Pejabat Pos menggunakan perkataan ringkas BSN, jadi semua orang akan takut hendak pergi ke Bank Simpanan Nasional ini, kerana disalahfahamkan BSN itu Biro Siasatan Negara. Ini satu keadaan yang patut kita beringat supaya jangan jadi rakyat terasa hendak pergi ke Pejabat Pos itu akan rasa ketakutan.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyokong Rang Undang-undang ini, kerana inilah satu perubahan yang baik mengikut cara yang lebih baru kepada sebuah bank yang paling tua di negara kita ini. Sudah sampai masanya perubahan-perubahan itu patut dibuat, kerana menyesuaikan dengan kemajuan negeri kita, dengan kemerdekaan dan dengan perubahan-perubahan yang baru ini. Jadi, saya rasa apabila undang-undang ini diluluskan peraturan-peraturan di dalam itu pun patut di pinda, patut di susun balik supaya sesuai dengan kemodenan system perbadanan kewangan yang ada dalam negara kita pada hari ini. Kalau sekiranya kita buat undang-undang sahaja, tetapi apa

yang ada di Pejabat Pos tidak dipinda dan tidak diubah, saya rasa tidaklah sesuai dengan masa kemajuan yang ada pada masa hari ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang. Saya menyokong Bil ini dan saya mengingatkan Kementerian yang berkenaan apabila hendak gunakan huruf ringkas BSN, tolonglah ingat BSN iaitu sebuah badan untuk mencegah rasuah.

6.10 ptg.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan, kerana dapat membuat satu pendapat yang baru, kerana kita tidak mahu lagi mengikut jejak lama sahaja.

Berkenaan dengan Wang Simpanan Pejabat Pos ini, sudah lama dan sudah patut ditukar kaedah-kaedahnya. Mudah-mudahan, dengan adanya Bil ini, saya merayu kepada Kerajaan akan menubuhkan Bank-bank ini di tiap-tiap pekan, jangan di bandar-bandar sahaja, kerana jika dibuat di pekan-pekan, saya percaya banyak orang-orang kampung akan menyimpan wangnya di dalam Bank Simpanan ini. Pada masa ini saya tahu orang-orang kampung banyak duitnya disimpan di bawah-bawah tilam dan dimasukkan di dalam bantal atau di dalam peti peti buruk yang sudah lama, sebab tidak ada tempat hendak menyimpan dan hendak pergi ke bandar takut sesat jalan tak tahu pula mengisi borang-borang dan sebagainya. Kalau ada dibuat di pekan-pekan berhampiran dengan rumah-rumah mereka, mereka boleh bawa anak-anaknya atau cucu-cucunya yang bersekolah menolong mengisi borang-borang yang disediakan oleh Pejabat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faedahnya janganlah macam sekarang, terlampau kecil, ikutilah cara-cara perjalanan bank sekarang boleh ditaruh dalam fixed deposit dengan memberi faedah yang ditentukan oleh bank dan boleh dibenarkan pula orang-orang kampung yang menyimpan wang dalam Bank ini meminjam dengan tidak payah menaruh cagaran. Jadi, ini akan menyenangkan rakyat di kampung-kampung dan akan menyakinkan rakyat menyokong kuat kepada Kerajaan kita.

Berkenaan dengan kakitangan pula saya mencadangkan kepada Kerajaan, kakitangan yang ada sekarang boleh mengendalikan kerja-kerja Bank Simpanan ini kerana banyak daripada pegawai-pegawai yang ada sekarang sudah bekerja berpuluh-puluh tahun, cuma kita hendak mengambil lebih ramai lagi kerani-kerani yang akan bertugas di tiap pekan dan bandar. Ini satu jalan yang baik yang akan memberi banyak pekerjaan kepada rakyat kita, anak-anak kita yang baru lulus daripada MCE, kerana kita tahu sekarang banyak anak-anak kita yang lulus MCE, yang tidak ada mempunyai pekerjaan. Jadi, dengan adanya ini, kita dapatlah memberi pekerjaan kepada anak-anak kita yang lulus MCE yang banyak di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pandangan saya, apabila membuat Bank Simpanan ini di bandar-bandar atau di pekan-pekan eloklah dibuat sebelah-menyebelah dengan kedai jual Tiket Empat Ekor, sebab mereka akan berfikir dua kali sebelum mereka beli Tiket Empat Ekor itu. Apa fikirannya, adakah saya akan menyimpan wang ini untuk bekal tua saya, atau mencampakkan wang ini ke dalam, dengan sia-sia sahaja dengan membeli Tiket Empat Ekor ini. Inilah cadangan saya, biarlah dapat di mana-mana bandar, di mana-mana pekan sekarang banyak kedai Empat Ekor, kita buat Bank Simpanan sebelah-menyebelahnya. Jadi kalau hendak membeli mereka fikir dua kali, lebih baik membeli Tiket Empat Ekor atau menyimpan wang dalam simpanan. Inilah pandangan saya bagi Bil ini. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan yang telah dapat meminda Undang-undang nama berkenaan dengan Bank ini.

6.15 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Di samping itu sukalah juga saya bersama-sama mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mana telah membuat satu pertukaran daripada Bank Simpanan Pejabat Pos kepada Bank Simpanan Nasional. Kita percaya sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi bahawa kemudahan-kemudahan dan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Simpanan

Pejabat Pos itu tersangat cemerlang dan semakin bertambah penyimpan-penyimpan daripada rakyat di negara ini. Dengan keadaan demikian inilah satu perubahan telah dibuat dan di dalam perubahan ini tentulah ada tujuannya, iaitu berujuan untuk mencari jalan untuk menyelaraskan dengan keadaan-keadaan yang ada sekarang ini. Kita tahu seruan-seruan Kerajaan pada masa ini kepada bank-bank yang berkenaan untuk memberi pertolongan kepada bumiputra di dalam soal perniagaan, maka kita percaya dengan adanya perubahan ini Bank Simpanan Nasional ini akan mengubah peraturan dan undang-undangnya dari semasa kesemasa nanti. Di atas kemudahan untuk rakyat di dalam negara ini menyimpannya sebegini cepat dan begitu jugalah dengan mudah pula mendapat pinjaman-pinjaman di dalam menjalankan ekonomi di dalam negara kita ini, sebagaimana yang dikehendaki untuk kemajuan bagi kaum bumiputra.

Di sini saya suka menarik perhatian sedikit iaitu berkenaan dengan seruan-seruan Kerajaan kepada bank-bank yang berkenaan, tetapi malangnya bank-bank ini juga masih lagi kita nampak tidak begitu aktif. Setengah-setengahnya ada mengambil perhatian daripada orang bumiputra yang akan menjalankan perniagaan ini yang mana mereka telah dapat. Sungguhpun keadaan-keadaan yang sedang dijalankan di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur ini pinjaman-pinjaman daripada Bank itu mudah, tetapi bagi penduduk-penduduk di negeri-negeri yang terpencil di luar bandar susah sebagaimana di Negeri Perlis. Misalnya, Chartered Bank, yang mana kita nampak di Kuala Lumpur ini diadakan pegawai-pegawai khas daripada pegawai-pegawai bumiputra untuk menolong bumiputra menjalankan pinjaman ini dengan mudahnya, tetapi malangnya bagi yang disebelah sana terlampau susah mendapat dalam soal ini. Kita harap kepada Kerajaan seruan-seruan ini akan dapat disampaikan sebagaimana yang kita tahu bahawa bagi pihak Timbalan Menteri Kewangan selalu membuat seruan ini, tetapi kalau diambil perhatian ataupun diselidik kembali sebagaimana Bank yang saya sebut tadi, bagi di tempat saya sendiri, bagi Negeri Perlis barangkali tak sampai satu dua orang

daripada bumiputra yang dapat pinjaman-pinjaman yang tertentu ini. Ini adalah menunjukkan satu cara yang sangat susah mendapatkan pinjaman ini dan bagi pegawai-pegawai khasnya yang ada di Kuala Lumpur ini tidaklah ditempatkan di Bank-bank yang tersebut. Ini satu perkara yang saya harap dapat perhatian daripada pihak yang berkenaan, mudah-mudahan dalam perkara ini dapat diatasi dan dengan mengambil kesempatan di dalam menyokong Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional, maka saya percaya Bank ini juga semacam yang telah diterangkan tadi bahawa pada masa dahulu cawangan-cawangan sebagaimana yang telah diterangkan di bawah Kementerian Perhubungan dan Pos, maka sekarang ini telah diubah di bawah Menteri Kewangan sendiri, maka saya percayalah perkara ini akan dapat berjalan dengan lebih licin dan lebih baik lagi pada masa yang akan datang.

6.19 ptg.

**Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap pendek sahaja berkenaan dengan Bank Simpanan Nasional. Apabila saya baca pada muka 23. Huraian, seperti berikut; Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan satu bank simpanan bernama Bank Simpanan Nasional bagi menggantikan Bank Simpanan Pejabat Pos yang ada sekarang dan untuk mengadakan suatu instansi simpanan yang lebih dinamik dengan kuasa-kuasa yang lebih luas dan jentera yang lebih baik daripada yang ada sekarang di bawah Akta Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 bagi menggembeling simpanan, terutama dari kalangan penyimpan-penyimpan kecil. Dengan adanya Rang Undang-undang ini supaya ditubuhkan sebuah Bank Simpanan Nasional yang akan mengambilalih urusan-urusan yang sekarang ini dijalankan oleh Bank Simpanan Pejabat Pos, dan tujuannya ialah semata-mata bagi menggembelingkan simpanan, terutama di kalangan penyimpan-penyimpan kecil. Tetapi apabila saya membaca Rang Undang-undang ini pada muka 7, Fasal 5:

(b) memberi pinjaman dan pendahuluan kepada, atau memberi gerenti untuk faedah, pendeposit-pendeposit dan lain-lain pelanggannya bagi maksud-maksud perumahan dan apa-apa

maksud lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan membuat perjanjian bagi maksud-maksud ini;

- (d) menggalakkan pembentukan sesuatu syarikat perbadanan atau mengambil bahagian dalam menggalakkan sesuatu syarikat itu atau memperolehi sesuatu pengusahaan atau sebahagian tujuannya;"
- (h) menerima sekuriti-sekuriti dan lain-lain barang berharga daripada pelanggan-pelanggan untuk disimpan dengan selamat;

Maka pada saya teranglah daripada syarat-syarat di Fasal 5 ini kuasa-kuasa yang ditugaskan dan diberikan kepada bank ini amatlah luas dan pada sangkaan saya tidak berbeza jauh daripada commercial banks. Jika tujuan yang sebenarnya bank ini ialah hendak menggembeling simpanan wang seperti dikatakan dalam Huraian terutama di kalangan penyimpan-penyimpan kecil, mustahaklah pada perhatian saya untuk Menteri yang berkenaan berjaga-jaga dan mengawasi supaya pegawai-pegawai bank ini tidak akan menggunakan kuasa-kuasa yang telah saya bacakan dan jadi menyeleweng daripada tujuan yang utama ditubuhkan bank ini. Biasanya, Pengerusi dan Directors bank bila ada kuasa yang sebegitu luas untuk meminjamkan wang dan menubuhkan syarikat-syarikat dan juga memegang sekuriti, saya percaya boleh jadi mereka itu akan menggunakan kuasa ini dan melupakan tujuan yang sebenarnya iaitu menggembeling simpanan, terutama di kalangan penyimpan-penyimpan kecil.

Pada perhatian saya mustahaklah Menteri yang berkenaan mengutamakan supaya bank ini mengadakan cawangan-cawangannya di kawasan-kawasan luar bandar; dan mestilah diberi arahan yang tegas kepada Pengarah dan Penguasa bank yang akan ditubuhkan ini supaya cawangan-cawangan mestilah terutamanya didirikan di luar bandar dan tidak di bandar. Kerana seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim bahawa Bank Bumiputra telah menyeleweng dari tujuan utama iaitu menolong bumiputra yang berkehendakkan modal dan Bank Bumiputra telah tidak mengutamakan tujuan itu.

Saya harap Bank Simpanan Nasional ini tidak juga mengikut langkah-langkah yang telah dikatakan diperbuat oleh Bank Bumi-putra. Pada pandangan saya mustahaklah bank yang akan diadakan ini menunjukkan stratijinya di luar bandar dan mengadakan seberapa banyak cawangan-cawangan; dan dalam masa 5 atau 10 tahun apabila bank ini ditubuhkan semata-mata ditujukan untuk menggembeling simpanan daripada menyimpan simpanan kecil. Kerana setahu saya mereka yang sekarang ini ada di sekim-sekim FELDA, pendapatan mereka sekarang ini melebihi daripada \$500 sebulan. Jadi, kebanyakan duitnya ini mengalir ke bandar dan mengalir ke kedai-kedai membeli barang-barang yang tidak mustahak dan untuk orang-orang inilah yang sepatutnya bank ini diadakan yang utamanya.

Saya harap bank ini tidak menggunakan kuasa mem.njamkan wang kepada pelanggan-pelanggan bank ini untuk se-kurang-kurangnya 10 tahun selepas bank ini ditubuhkan. Dan saya percaya sungguhpun bank ini diberi kuasa yang luas, saya tidak

percaya yang bank ini boleh menubuhkan cawangan-cawangan yang sebegitu banyak di luar bandar seperti yang telah diadakan oleh Pejabat Pos kita pada masa ini. Saya percaya tugas Bank Simpanan Nasional ini amatlah berat dan berkehendakkan Pengerusi, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai yang sebenar-benarnya berpela-jaran, berdedikasi dan juga bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai mat-lamat yang telah dihuraikan di dalam Rang Undang-undang ini. Dan mereka mestilah sentiasa sedar yang mereka menguruskan suatu bank yang tidak sama dan tidak boleh disamakan seperti commercial banks dan seperti Bank Negara dan bank yang lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 30hb Julai, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*